



Fakulti Bahasa dan Komunikasi

**UNSUR IRONI DALAM BAHASA KIASAN PUNJABI:
ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF**

**Balveen Kaur Sokhal A/P Jasbir Singh
(54518)**

**Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (Linguistik)
Universiti Malaysia Sarawak**

2018

**UNSUR IRONI DALAM BAHASA KIASAN PUNJABI:
ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF**

oleh

Balveen Kaur Sokhal A/P Jasbir Singh
(54518)

Projek tahun akhir ini dihantar sebagai memenuhi salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (Linguistik)

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Malaysia Sarawak

2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Sila tandakan/*Please tick*

()

Projek Tahun Akhir/

Final Year Project

☐

Sarjana/*Masters*

☐

PhD

☐

PENGAKUAN KEASLIAN HASIL KERJA

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

Perakuan ini telah dibuat pada 22 Mei hari Selasa 2018.

This declaration is made on the 22 Mei day of Tuesday 2018.

Pengakuan Pelajar:

Saya Balveen Kaur Sokhal A/P Jasbir Singh (54518). Fakulti Bahasa dan Komunikasi dengan ini mengisytiharkan bahawa kerja bertajuk Unsur Ironi dalam Bahasa Kiasan Punjabi: Analisis Semantik Inkuisitif adalah kerja saya yang asli. Saya tidak meniru dari mana-mana hasil kerja pelajar yang lain atau dari mana-mana sumber lain kecuali dengan menyatakan sumber rujukan sewajarnya atau pengakuan telah dinyatakan dengan jelas dalam teks, dan tidak mempunyai mana-mana bahagian ditulis untuk saya oleh orang lain.

Student's Declaration:

I Balveen Kaur Sokhal A/P Jasbir Singh (54518). Faculty of Language dan Communication hereby declare that the work entitled Unsur Ironi dalam Bahasa Kiasan Punjabi: Analisis Semantik Inkuisitif is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

Tarikh serahan

Date submitted

Nama pelajar (No. matrik)

Name of the student (Matric No.)

Pengesahan Penyelia:
Supervisor's Declaration:

Saya Dr Fatimah Hj. Subet dengan ini memperakui bahawa hasil kerja bertajuk Unsur Ironi dalam Bahasa Kiasan Punjabi: Analisis Semantik Inkuisitif telah disediakan oleh pelajar yang bernama di atas, dan telah diserahkan kepada " FAKULTI " sebagai * memenuhi sebahagian/penuh bagi penganugerahan Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (Linguistik) dan kerja yang dinyatakan di atas, sepanjang pengetahuan saya, adalah hasil kerja pelajar tersebut.

I Dr. Fatimah Hj. Subet hereby certifies that the work entitled Unsur Ironi dalam Bahasa Kiasan Punjabi: Analisis Semantik Inkuisitif was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a partial/full fulfilment for the conderment of Bachelor of Arts With Honours (Linguistics), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Diterima untuk pemeriksaan oleh:
Received for examination by: _____

Tarikh:
Date: _____

(Nama penyelia)/ *(Name of the supervisor)*

Saya mengaku bahawa Projek/Tesis diklasifikasikan sebagai (Sila tandakan (✓)) :
I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (✓)):

- ☐ **SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)* **TERHAD**
☐ (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi di
mana penyelidikan telah dijalankan)
☐ **AKSES TERBUKA**

Pengesahan Projek / Tesis
Validation of Project/Thesis

Oleh itu, saya mengaku dan mengesahkan dengan sewajarnya dengan kebenaran dan kerelaan bahawa Projek/Tesis ini hendaklah diletakkan secara rasmi di Pusat Khidmat Maklumat Akademik dengan kepentingan undang-undang dan hak-hak seperti berikut:

Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan Projek/Tesis bagi pertukaran akademik antara Institut Pengajian Tinggi.

No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.

Tiada pertikaian atau apa-apa tuntutan yang dibuat sama ada oleh pelajar itu sendiri atau pihak ketiga terhadap Projek/Tesis ini apabila telah menjadi hak milik UNIMAS.

This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Mana-mana bahan, data dan maklumat yang berkaitan dengan Projek/Tesis ini, tidak dibenarkan diedar, diterbitkan atau didedahkan kepada mana-mana pihak oleh pelajar melainkan dengan kebenaran UNIMAS.

I therefore duly affirm with free consent and willingly declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Projek/Tesis ini adalah harta undang-undang Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.

Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan bagi tujuan akademik dan penyelidikan sahaja dan bukan untuk tujuan lain. The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.

Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk mendigitalkan kandungan tesis ini untuk Kandungan Pangkalan Data Tempatan.

The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.

Tandatangan Pelajar/*Student's signature*:

Tandatangan Penyelia/*Supervisor's signature*:

(Tarikh/*Date*)

(Tarikh/*Date*)

Alamat semasa pelajar/*Current address of student:*

No. 42, Jalan 16, Taman Sri Kluang, 86000 Kluang, Johor Darul Takzim.

Nota: *Jika Projek/Tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan bersama-sama surat daripada organisasi beserta sebab dan tempoh kerahsiaan dan sekatan.

*Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.*

[Instrumen ini disediakan oleh Pusat Khidmat Maklumat Akademik]

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

ISI KANDUNGAN		I-II
ABSTRAK		III
ABSTRACT		IV
PENGHARGAAN		V
SENARAI RAJAH		VI
SENARAI JADUAL		VI-VII

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

1.1 Linguistik		1-4
1.2 Bahasa Punjabi		4-5
1.3 Permasalahan kajian		6-9
1.4 Matlamat Kajian		9
1.5 Objektif kajian		9
1.6 Definisi konsep		
1.6.1 Bahasa kiasan		10
1.6.2 Ironi		10-11
1.6.3 Semantik		11-12
1.6.4 Semantik Inkuisitif		12-13
1.6.5 Bahasa Punjabi		13
1.6.6 Unsur Haiwan		13
1.7 Kepentingan Kajian		14-15
1.8 Batasan Kajian		16
1.9 Kesimpulan		17-18

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.0 Pengenalan	19
2.1 Kajian di Malaysia	20-26
2.2 Kajian di luar negara	27
2.3 Kesimpulan	28

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan	29-30
3.1 Reka bentuk kajian	30-37
3.2 Prosedur pengumpulan data	37
3.3 Prosedur analisis data	37-38
3.3.1 Contoh analisis data	39-41
3.4 Kesimpulan	42

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan	43
4.1 Analisis data	44-90
4.2 Kesimpulan	91

BAB 5 RUMUSAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 Pengenalan	92
5.1 Rumusan kajian	92-93
5.2 Cadangan kajian	94-95
5.3 Kesimpulan	95-96

RUJUKAN	97-102
----------------	--------

LAMPIRAN	103
-----------------	-----

ABSTRAK

Bahasa merupakan satu medium penyampaian yang berkesan dan sering digunakan oleh semua masyarakat. Dalam kajian ini bahasa yang difokuskan oleh pengkaji ialah bahasa Punjabi yang digunakan oleh masyarakat Sikh di Malaysia. Kajian ini bertujuan mengenal pasti unsur haiwan dalam bahasa kiasan Punjabi melalui kacamata semantik inkuisitif dalam memperlihatkan akal budi orang Punjabi. Tumpuan analisis ini ialah pada kiasan yang menunjukkan unsur haiwan dengan memperlihatkan makna ironi di sebalik kiasan tersebut. Kajian berbentuk kualitatif iaitu kajian bersifat deskriptif ini mengaplikasikan teori semantik dengan kaedah inkuisitif yang merupakan gabungan di antara pemikiran kognitif dengan maklumat baru, akal budaya masyarakat Punjabi. Data kiasan Punjabi dikumpul melalui kaedah temu bual yang dijalankan oleh pengkaji kerana kiasan Punjabi belum lagi didokumentasikan. Hasil kajian mendapati budaya dan akal Punjabi dapat dikaitkan dengan kiasan tersebut. Ketersiratan makna kiasan yang mempunyai unsur haiwan jelas memperlihatkan falsafah masyarakat Punjabi. Kajian ini juga dapat membuktikan hubungan bahasa, masyarakat dan pemikiran dalam kiasan Punjabi berdasarkan pendekatan yang digunakan. Akal budi Punjabi dapat dilihat dengan jelas, pencungkilan makna dilakukan dengan kaedah yang sistematik dan saintifik.

Kata kunci: Bahasa Punjabi, bahasa kiasan, semantik inkuisitif, falsafah, akal budi Punjabi

ABSTRACT

Language is an effective medium and is often used by all societies. In this study the language focused by the researcher is the Punjabi language used by the Sikhs in Malaysia. The study aims to identify animal elements in Punjabi language through incredible semantic theory in demonstrating the Punjabi culture. The focus of this analysis is on the figurative words that show the element of the animal by showing the irony of the figure behind it. Qualitative studies of this descriptive research apply theoretical semantic inquisitive with the combination of cognitive thinking and the culture of Punjabi society. The data is collected through interviews conducted by researchers as the Punjabi figurative words had not been documented. The findings show that the Punjabi culture and mind can be attributed to the figurative words. The figurative meaning of animal elements clearly shows the philosophy of the Punjabi society. This study also proves the relationship between language, society and thought in Punjabi treasures based on the approach used. The mind of the Punjabi can be seen clearly, the meaning of meaning is done by systematic and scientific methods.

Keywords: Punjabi language, figurative words, semantic inquisitive, philosophy of Punjabi culture

PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Tuhan kerana berkat dan nikmat serta kurniaan dari-Nya, akhirnya dapat juga saya menyiapkan projek tahun akhir saya dalam bidang Linguistik Sastera. Dalam menyiapkan projek ini, terlalu banyak dugaan dan cabaran yang terpaksa saya harungi, tetapi semua itu saya jadikan sebagai satu pengajaran dan pengalaman yang cukup berharga kerana penat lelah saya akhirnya berbaloi apabila projek ini akhirnya berjaya disiapkan dengan sempurna dan jayanya.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Dr. Fatimah Subet kerana banyak membantu saya dan sentiasa memberi semangat apabila saya buntu untuk memikirkan cara yang sepatutnya untuk menyelesaikan masalah yang di hadapi. Selain itu, sekalung penghargaan untuk kepada kedua-dua ibu bapa saya yang sentiasa mendorong saya dengan memberi sokongan dan semangat dari segi kewangan serta moral agar saya dapat terus menyelesaikan projek ini. Ucapan terima kasih ini ditujukan juga kepada kawan-kawan yang sentiasa membantu sepanjang saya melaksanakan projek ini. Tidak melupakan juga informan-informan yang membantu saya memberi segala maklumat yang saya perlukan sepanjang projek ini.

Akhir sekali, ingin juga saya ucapkan kepada pensyarah-pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi yang telah memberi pengajaran yang lebih mendalam berkaitan dengan terma-terma yang dapat digunakan sepanjang projek saya ini. Dengan segala tunjuk ajar yang diberikan serta panduan bimbingan, dapat saya melengkapkan projek saya dengan sempurna.

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
1. Bahasa Figuratif	3

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1. Reka bentuk kajian	31
2. 25 data kiasan Punjabi	32-37
3. Contoh analisis data	39
4. Data 1 kiasan Punjabi	44
5. Data 2 kiasan Punjabi	46
6. Data 3 kiasan Punjabi	48
7. Data 4 kiasan Punjabi	50
8. Data 5 kiasan Punjabi	51
9. Data 6 kiasan Punjabi	53
10. Data 7 kiasan Punjabi	55
11. Data 8 kiasan Punjabi	57
12. Data 9 kiasan Punjabi	59
13. Data 10 kiasan Punjabi	61
14. Data 11 kiasan Punjabi	63
15. Data 12 kiasan Punjabi	65
16. Data 13 kiasan Punjabi	67
17. Data 14 kiasan Punjabi	68
18. Data 15 kiasan Punjabi	71

19.	Data 16 kiasan Punjabi	73
20.	Data 17 kiasan Punjabi	75
21.	Data 18 kiasan Punjabi	78
22.	Data 19 kiasan Punjabi	79
23.	Data 20 kiasan Punjabi	81
24.	Data 21 kiasan Punjabi	83
25.	Data 22 kiasan Punjabi	84
26.	Data 23 kiasan Punjabi	86
27.	Data 24 kiasan Punjabi	87
28.	Data 25 kiasan Punjabi	89

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

1.1 Linguistik


Linguistik merupakan satu cabang ilmu bahasa yang luas serta mengkaji pelbagai jenis bidang seperti morfologi, sintaksis, fonetik, semantik dan banyak lagi. Setiap bidang ilmu ini mempunyai satu peranan yang utama iaitu bahasa yang dikaji dalam pelbagai sudut. Namun, fokus pengkaji dalam kajian ini adalah cabang ilmu semantik yang mengkaji maksud di sebalik sesuatu ayat dalam satu bahasa yang tertentu. Menurut Anis Kurniawan (2015), “semantik adalah cabang linguistik yang mempelajari makna yang terkandung dalam bahasa, kode, atau jenis lain dari representasi. Dengan kata lain, semantik adalah kajian tentang makna.” “Semantik merupakan kajian makna yang boleh didampingi oleh mana-mana bidang dalam memperjelaskan lagi tabi bahasa yang dikaji” (Nor Hashimah Jalaluddin, 2009). Semantik memainkan peranan dalam memberi makna kepada sesuatu konteks. Perkembangan semantik dapat dilihat dalam tiga tahap yang berbeza iaitu semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif (Nor Hashimah, 2014).

Kajian bahasa kiasan seperti peribahasa dan simpulan bahasa sering menjadi tumpuan utama dalam kajian semantik. Hal ini kerana peribahasa dan simpulan bahasa mempunyai maksud tersirat yang menarik iaitu mampu dikaji melalui kajian semantik. Menurut Nor Hashimah (2014), semantik skrip yang dinyatakan di atas ialah sesuatu kata yang mempunyai maksud harfiah. Namun, maksud di sebalik sesuatu kata tidak berhenti setakat maksud harfiah, jadi semantik resonans diperkenalkan bagi menelusuri maksud itu dengan lebih mendalam di peringkat kognitif. Peringkat kognitif dilihat melalui pengalaman seseorang

individu. “Premis yang diutamakan dalam aliran ini adalah *meaning is embodied*, iaitu makna adalah dikonsepsikan daripada pengalaman badaniah” (Lakoff, 1987). Selepas memperlihatkan pengalaman, Nor Hashimah (2014), mengupas lagi idea dalam sesuatu peribahasa yang memperlihatkan akal budi dalam satu kelompok. Selain pengalaman, akal budi masyarakat mampu memberi penjelasan yang lebih mendalam kerana melibatkan bahasa dan budaya sesuatu masyarakat. Akhirnya, muncul semantik inkuisitif iaitu kajian yang bukan hanya melihat makna dari segi kognitif malah, memperlihatkannya dari konsep akal budi sesuatu masyarakat.

Namun, bahasa kiasan dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu peribahasa dan bukan peribahasa. Peribahasa merupakan satu bentuk bahasa yang telah mantap dari segi makna manakala kiasan yang masih belum mantap, diistilahkan sebagai bukan peribahasa atau bahasa figuratif (Abdullah Hassan dan Ainon Mohd, 2010). Contoh peribahasa yang telah mantap ialah ‘bara yang digenggam biar sampai jadi arang’ yang memberi maksud jika hendak mencapai sesuatu haruslah sabar sehingga mencapai kejayaan. Abdullah Hussain (1997) menyatakan “peribahasa merupakan satu daripada cabang sastera lama, bukan sahaja bagi bangsa Melayu tetapi juga bagi hampir semua bangsa di dunia”. Sebelum ada undang-undang yang mengawal perilaku hidup manusia bermasyarakat, orang bijak pandai dalam sesuatu bangsa pada zaman itu telah mencipta beberapa petua, nasihat atau petunjuk sebagai peraturan tata tertib pergaulan, tatasusila dalam pergaulan dan hubungan sesama manusia. Petua, nasihat atau petunjuk itu diambil daripada alam sekeliling, contohnya perangai dan sifat manusia itu sendiri, juga daripada sifat dan tabiat binatang, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya. Contoh bukan peribahasa iaitu bahasa figuratif ialah ‘khabar angin’ yang membawa maksud gosip. Bahasa figuratif juga dikenali sebagai bahasa kiasan, dapat dikategorikan kepada beberapa jenis iaitu personifikasi, hiperbola dan ironi. Pernyataan yang

berlebih-lebihan dengan membesar-besarkan sesuatu hal diklasifikasikan sebagai hiperbola (AlMa'ruf, 2009). Gaya bahasa personifikasi ialah gaya bahasa kiasan yang menggambarkan benda-benda mati atau barang-barang yang tidak bernyawa seolah-olah memiliki sifat kemanusiaan (Keraf, 2005). Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (1992:27) "Ironi membawa maksud sesuatu ujaran itu mengandungi unsur sindiran. Penutur akan cuba menyindir dengan menggunakan ujaran yang mengandungi maksud implisit. Di sini yang diujarkan secara eksplisit tidak boleh dianggap membawa makna sebenar hajat si penutur. Contoh: Kemasnya bilik (dengan nada niat menyindir bagi bilik yang tidak terurus)". Hal ini boleh diringkaskan seperti gambar rajah 1.1 di bawah.



Sumber : Abdullah Hassan dan Ainon Mohd, 2010

Rajah 1.1

Dalam kajian ini pengkaji akan memfokuskan kepada kiasan yang bersifat ironi. Ironi yang membawa maksud sindiran akan dikaji dalam kiasan Bahasa Punjabi yang digunakan oleh orang Punjabi dengan menggunakan unsur haiwan. Ironi ini akan dikaji dengan memperlihatkan teori semantik inkuisitif dalam mengupas akal budi yang terdapat dalam

pemikiran orang Punjabi ketika menuturkan bahasa kiasan tersebut. Semantik inkuisitif ialah satu ujaran yang dapat mencungkil makna dengan lebih mendalam serta dengan sempurna, dan dapat menghasilkan bukan sahaja makna yang tersurat dan tersirat, malah meneroka dengan lebih jauh pemikiran yang terdapat dalam minda penutur. Penerokaan ini adalah dengan mendasari perasaan ingin tahu mengenai mengapa ujaran seperti itu boleh muncul, sekali gus mewujudkan falsafah yang terlindung di sebalik ungkapan tersebut. Oleh itu, jelaslah semantik inkuisitif bermatlamat untuk meneroka dengan lebih mendalam hingga mampu menembus ke akal budi penutur sesuatu masyarakat (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014).

1.2 Bahasa Punjabi

Terdapat beberapa cara dan fasa kedatangan Bangsa Punjabi ke Tanah Melayu. Pada tahun 1865 penghijrahan bermula dengan penglibatan orang Sikh dalam bidang pekerjaan keselamatan di bawah empayar British. Permulaan awal kemasukan Sikh di Tanah Melayu bermula dengan peranan Kapten James Speedy yang membawa masuk 95 orang Sikh bagi menyelesaikan pertelingkahan kongsi gelap Cina pada era 1870-an mengenai masalah perlombongan bijih timah. Seterusnya pengambilan anggota keselamatan Sikh dibuat lagi pada tahun 1880-an untuk berkhidmat di Jelevu dan Sungai Ujung. Kemasukan orang Punjabi ke Tanah Melayu telah bermula pada tahun 1873, sekali gus membawa agama Sikh yang menjadi dominan kehidupan seharian mereka. Berek polis dan kawasan lombong bijih timah merupakan petempatan terawal bagi komuniti Sikh dengan kemunculan bangsa Punjabi. Bahasa Punjabi turut berkembang (Sarjit S. Gill, 2015).

Menurut Sarah Veach dan Katy Williamson (n.d.), sastera Punjabi yang paling terkenal ialah puisi romantik. Yang utama ialah Heer Ranjha, Sassi Punun, dan Mirza Shahiban, semuanya dihasilkan oleh penulis Islam. Lebih tua daripada ini ialah puisi sufi teologi abad

ke-13 Shaik Farid. Dalam tradisi Sikh, gaya penulisan sufi yang sering digunakan, kumpulan puisi yang paling terkenal ialah Guru Nanak Dev Ji (1469-1539) dan Guru Arjun Dev Ji (1563-1606). Terdapat juga penyair dan penulis moden mengenai topik sekular dan agama serta industri filem yang aktif dengan bergantung kepada melodrama, “folksong”, dan tarian. Dengan perkembangan inilah, bahasa Punjabi semakin meluas dan orang Punjabi menghasilkan bahasa-bahasa kiasan ketika berbicara. Hal ini demikian kerana, segala puisi dan syair yang digunakan mempunyai unsur tersirat. Bahasa Punjabi kebanyakannya digunakan di wilayah Punjab, Haryana, Delhi, Himachal Pradesh, Jammu & Kashmir dan beberapa kawasan di Pakistan iaitu Punjab, Sindh dan Blochistan.

Namun begitu, sastera Punjabi seperti novel, puisi dan syair banyak didokumentasikan bagi pembaca untuk mengetahui keindahan sesuatu bahasa serta perkembangannya. Namun, tiada kajian seperti peribahasa mahupun kiasan yang didokumentasikan bagi mengetahui kemunculan serta kewujudan ujaran tersebut. Ujaran seperti itu hanya dapat didengar ketika penutur Punjabi menggunakannya dalam percakapan harian. Ujaran seperti kiasan sering digunakan walaupun dalam komunikasi harian. Kiasan yang sering digunakan oleh masyarakat Punjabi mempunyai pelbagai jenis domain. Antaranya domain nasihat, menyindir, marah dan sebagainya. Kebanyakan unsur kiasan yang digunakan bersifat ironi iaitu berupa menyindir, justeru bukan semua sindiran yang digunakan bersifat negatif kerana ada yang hanya menyindir dalam gurauan mengikut konteks penutur. Orang Punjabi agak terkenal dengan sindiran yang menggunakan kiasan dan kiasan tersebut banyak melibatkan unsur haiwan. Jadi, itu yang menjadi fokus kajian pengkaji serta mengupas akal budi orang Punjabi terhadap kiasan tersebut.

1.3 Permasalahan Kajian

Salah satu masalah yang dikenal pasti oleh pengkaji dalam kajian ini ialah kajian mengenai bahasa Punjabi kurang dikaji oleh pengkaji lain. Kajian Punjabi yang dikaji adalah hanya perbandingan bahasa Hindi dan bahasa Punjabi serta penterjemahan bahasa Punjabi. Vishal Goyal dan Gurpreet Singh Lehal (2008), membuat penyelidikan perbandingan skrip antara perkataan Hindi dan Punjabi. Kajian ini pada asasnya merupakan representasi bahasa daripada perwakilan langsung bagi pemikiran dan fakta bahawa bahasa lisan mempunyai beberapa tahap struktur, termasuk kalimat, kata, suku kata, dan fonem. Pengkaji membuat penyelidikan dengan menggunakan skrip Gurmukhi yang membawa maksud '*from the mouth of guru*' iaitu perkataan huruf Punjabi yang berkembang dengan pengajaran daripada guru-guru dalam agama Sikh dan skrip Devanagari yang merupakan bahasa sanskrit termasuklah golongan bahasa India yang lain. Kajian ini juga memperlihatkan penggunaan huruf Gurmukhi dalam Guru Granth Sahib iaitu kitab suci agama Sikh, bermaksud skrip itu mengembangkan aturan ortografinya sendiri. Dengan itu, kajian ini jelas menunjukkan perbezaan antara bahasa Punjabi dan juga Hindi.

Kajian semantik banyak dilaksanakan dalam bahasa Melayu mahupun kajian mengenai peribahasa ataupun kiasan. Kajian bahasa Punjabi hanya memperlihatkan konsep keagamaan serta kebudayaan dalam bangsa Punjabi seperti dalam kajian Rosramadhana, Dedi Andriansyah, Ayu Febryani dan Sonya Indri Sebayang (2012), mengkaji tentang budaya terhadap penggunaan susu lembu dalam ritual keagamaan suku kaum Punjabi. Kajian ini juga hanya memfokuskan kepada keagamaan tetapi bukan kepada bahasa Punjabi. Dalam kajian ini pengkaji mendapatkan data dengan menggunakan pembolehubah bebas iaitu pengaruh budaya dan agama dan terikat ialah penggunaan susu lembu dalam ritual keagamaan. Pengkaji mengumpul data dengan menggunakan teknik sampling dengan menemu bual

beberapa informan yang beragama Sikh. Pengkaji juga menggunakan pendekatan *life history* yang bersifat kualitatif dalam pengumpulan data. Pengkaji juga merujuk kepada data primer iaitu secara pemerhatian dan data sekunder iaitu buku-buku yang mempunyai unsur keagamaan adat kepercayaan dalam suku kaum Punjabi. Oleh itu, kajian ini hanya memperlihatkan adat dan kepercayaan dalam penggunaan susu lembu dalam agama Sikh. Dalam bahasa Punjabi wujud bahasa kiasan tetapi masih belum didokumentasikan. Bahasa kiasan yang sering digunakan oleh orang Punjabi ketika berkomunikasi sahaja tetapi tidak diambil serius dan dikaji oleh pengkaji lain. Kiasan yang sering digunakan ialah bersifat ironi iaitu orang Punjabi menyindir dengan menggunakan kiasan dan yang menariknya kiasan yang digunakan banyak mempunyai unsur haiwan. Oleh itu, ini menimbulkan kemusykilan bagi pengkaji untuk mengumpul data kerana maklumatnya terbatas kepada temu bual sahaja.

Selain itu, generasi muda sekarang yang kurang menunjukkan minat dalam pembelajaran bahasa Punjabi juga menyebabkan salah satu faktor bahasa Punjabi semakin dipinggirkan. Mereka hanya mengetahui perkara asas dalam bahasa Punjabi iaitu bahasa dalam komunikasi biasa, namun bahasa Punjabi mempunyai beberapa kiasan mahupun peribahasa dalam pembelajarannya. Akibat tidak diambil perhatian, generasi muda tidak begitu mahir dalam penggunaan kiasan tersebut sekali gus menyebabkan mereka tidak faham akan maksud bagi sesuatu kiasan apabila digunakan oleh orang tua. Hal ini demikian kerana, kiasan yang mempunyai maksud yang tersirat menyebabkan generasi muda kurang pasti mengenai sesuatu ujaran tersebut. Ini dapat dibuktikan dengan kajian Sarjit Singh (1999), dalam diaspora dan masalah identiti Sikh di Malaysia hanya mengkaji tentang amalan dan pengajaran Sikh oleh generasi muda semakin diabaikan. Kajian ini lebih kepada menyelidik agama Sikh sekali gus memperlihatkan budaya orang Sikh di Malaysia.

Tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat sekarang lebih cenderung dengan penggunaan gadget yang canggih yang mampu memperoleh maklumat dengan hanya satu sentuhan. Walaupun gadget ini mempunyai banyak faedah, namun juga terselit sifat negatifnya dalam penggunaan tersebut. Sifat negatifnya terserlah apabila generasi muda terlalu bergantung pada gadget tersebut berbanding mempelajarinya sendiri dengan rujukan yang sahih. Kebanyakan gadget yang digunakan majoritinya menggunakan bahasa Inggeris dan ini mampu menyebabkan generasi muda lebih senang dengan penggunaan bahasa Inggeris serta bahasa Punjabi diabaikan. Bagi memperkenalkan budaya Punjabi dengan lebih mendalam kajian Sarah Veach dan Katy Williamson (n.d.), dalam kajian Punjabi: Culture and Language Manual menunjukkan budaya Punjabi dalam pelbagai aspek. Kajian ini memperlihatkan penyelidikan Punjabi dalam aspek sosial dan aspek linguistik yang juga menyerlahkan keunikan masyarakat tersebut. Aspek sosial yang menjadi tumpuan pengkaji adalah mengenai keagamaan Sikh, tahap kesenian dalam masyarakat Punjabi, adat menari yang dikenali sebagai 'bhangra', makanan tradisional bagi masyarakat Punjabi, sistem panggilan dalam sebuah kekeluargaan dalam Punjabi, adat dan kepercayaan agama Sikh dan juga pantang larang yang terdapat dalam masyarakat tersebut. Dari segi linguistik pula, kajian ini memperlihatkan penggunaan fonetik iaitu cara menyebut sesuatu huruf dalam Punjabi, penggunaan morfologi yang memperlihatkan penggunaan imbuhan dan dialek yang terdapat dalam beberapa kawasan yang berbeza di sekitar India Utara. Walaupun kajian ini menyentuh pelbagai aspek, namun dapatannya hanya di permukaan yang asas dan tidak begitu mendalam.

Oleh hal yang demikian, sikap generasi muda yang mengabaikan bahasanya sendiri iaitu bahasa Punjabi, menyebabkan penggunaan kiasan yang diwarisi sejak dahulu lagi semakin hilang. Ini amat membimbangkan pengkaji kerana ilmu sebegini harus dikekalkan dan dikembangkan untuk pengetahuan generasi muda sekali gus dapat mengangkat bahasa Punjabi

agar diketahui oleh masyarakat lain. Bangsa Punjabi merupakan antara minoriti di Malaysia, jadi penggunaan bahasa Punjabi harus dikekalkan. Jika perkara sebegitu tidak dilakukan bahasa Punjabi mungkin akan pupus pada satu hari nanti. Jadi pengkaji melaksanakan kajian kiasan dalam bahasa Punjabi agar dapat memperkembangkan penggunaan bahasa Punjabi dalam pelbagai aspek.

1.4 Matlamat Kajian

Kajian ini adalah untuk mengkaji unsur haiwan dalam bahasa kiasan Punjabi melalui kacamata semantik inkuisitif dalam memperlihatkan akal budi orang Punjabi.

1.5 Objektif Kajian

Objektif utama pengkaji adalah untuk mengkaji bahasa kiasan Punjabi yang mempunyai unsur haiwan dalam menghubungkan semantik inkuisitif yang menunjukkan akal budi orang Punjabi iaitu kiasan haiwan dapat dikaji dengan lebih mendalam. Objektif khusus dalam kajian pengkaji adalah untuk ;

- a) Mengenal pasti dan menyenaraikan bahasa kiasan dalam bahasa Punjabi yang mengandungi unsur haiwan.
- b) Menganalisis bahasa kiasan Punjabi yang mempunyai unsur haiwan dengan pendekatan semantik melalui tahap semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif.
- c) Menghubunkaitkan makna bahasa kiasan Punjabi yang mengandungi unsur haiwan dengan akal budi dan falsafah masyarakat Punjabi.

1.6 Definisi Konsep

1.6.1 Bahasa kiasan

Bahasa kiasan dapat dikategorikan kepada pelbagai jenis iaitu simpulan bahasa, peribahasa, perumpamaan, perbilangan, metafora, simile, personifikasi, alegori, “fable”, alusi, sindiran dan ironi (Keris Mas, 1990:113). Kiasan merupakan satu ujaran untuk menyampaikan buah fikiran oleh masyarakat penutur. Bahasa kiasan ialah bahasa yang maknanya yang tidak membawa maksud harfiah. Oleh itu bahasa kiasan membawa maksud yang tersirat dan tidak mengikut maksud di dalam kamus (Asmah Hj. Omar, 2005). Menurut Mohd. Rasdi bin Saamah (2011), menyatakan kiasan wujud dalam semua bahasa dan etnik yang kebanyakannya memperlihatkan unsur alam dan budaya sesuatu masyarakat. Hal ini demikian kerana, kiasan biasanya diungkapkan dengan makna yang tersirat agar tidak menyakiti pihak pendengar yang juga menjurus kepada kajian Fauzi Rahman (2011) yang menyatakan kiasan sering digunakan dalam pantun, syair, puisi dan sajak yang merupakan penulisan yang tersirat. Menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2010), bahasa kiasan ialah ungkapan-ungkapan yang makna tidak boleh diketahui daripada makna perkataan itu sendiri ataupun daripada susunan tatabahasanya. Oleh itu, kiasan merupakan kata-kata indah yang tersirat dengan memberi makna yang tertentu mengikut konteks yang bersesuaian. Dari pelbagai jenis kiasan yang terdapat dalam gaya bahasa, kajian ini akan memfokuskan kepada kiasan ironi yang melibatkan unsur haiwan.

1.6.2 Ironi

Menurut Fauzi Rahman (2011), ironi ialah satu pengucapan yang dituturkan dengan mempunyai makna kebalikannya. Kiasan ini mempunyai unsur mengejek, menyindir, bersifat mengingatkan akan tetapi dalam pengungkapan secara berlawanan dan orang tetap akan berasa tersinggung. Gaya Bahasa Kiasan (n.d.), menyatakan bahawa ironi bermakna

“eironeia” yang membawa maksud penipuan atau pura-pura. Dengan kata lain bahasa kiasan ironi adalah satu acuan sindiran yang diungkapkan dengan maksud yang tersirat. Ironi dikatakan merupakan satu ujaran yang diungkapkan bagi menyampaikan mesej yang mempunyai penekanan yang besar. Oleh hal yang demikian, ironi hanya berhasil jika pendengar memahami maksud yang ingin disampaikan oleh penutur. Bagi memahami maksud yang tersirat dalam sesuatu ironi, pengkaji akan menggunakan pendekatan semantik untuk mengupas maksud disebalik ironi bahasa Punjabi.

1.6.3 Semantik

Semantik adalah sebahagian daripada ilmu Linguistik kerana bahasa tidak akan sempurna jika tiada unsur makna dalam sesuatu konteks. Perkataan semantik sebenarnya berasal daripada bahasa Yunani yang menunjukkan kata adjektif *semantikos* yang membawa maksud “penting” atau “bererti”. Semantik juga diperlihatkan sebagai kajian tentang makna perkataan atau ayat dalam sesuatu bahasa (Nathesan, 2002). Menurut Anis Kurniawan (2015), semantik ialah cabang linguistik yang mempelajari makna yang terkandung dalam bahasa, kode, atau jenis lain daripada representasi. Dengan kata lain, semantik ialah kajian tentang makna. Semantik merupakan kajian makna yang boleh didampingi oleh mana-mana bidang dalam memperjelaskan lagi tabi bahasa yang dikaji (Nor Hashimah Jalaluddin, 2009). Harahap (1994), juga menyatakan semantik ialah ilmu tentang perubahan pengertian bagi sesuatu kata. Semantik juga memperlihatkan makna literal sesuatu perkataan dan gabungannya membentuk makna asas (Kearns 2000; Griffiths 2007).

Menurut Reimer (2010), bagi menyatakan sesuatu penerangan mengenai sesuatu bahasa perlu menerangkan cara bagaimana sesuatu ujaran linguistik tersebut mempunyai makna yang tertentu. Selain itu, Akmajian (1995) menyatakan “semantik mempunyai kaitan dengan kajian tentang unit linguistik”. Jika dihalusi dari segi logik, semantik dapat dikaitkan dengan kajian

yang melibatkan maksud denotasi dan syarat kebenaran serta memainkan peranan penting dalam tatabahasa. Hal ini demikian kerana, tatabahasa menghuraikan sesuatu bahasa yang dapat dilihat dari sudut pandangan Sperber dan Wilson (1980) yang memperkenalkan semantik sistem penuh, menyatakan semantik adalah kajian yang melibatkan makna dari segi logik. Daripada penjelasan maksud semantik yang disampaikan oleh kedua-dua pengkaji di atas, semantik dapat disimpulkan sebagai sesuatu bidang yang mengkaji makna di sebalik sesuatu perkataan. Namun, kajian semantik mempunyai beberapa peringkat yang telah dihuraikan oleh pengkaji dan pengkaji akan menggunakan semantik inkuisitif dalam meneroka akal budi orang Punjabi dalam ujaran ironi.

1.6.4 Semantik inkuisitif

Semantik inkuisitif merupakan pendekatan yang telah dikembangkan daripada semantik skrip kepada semantik resonans dan muncul semantik inkuisitif yang memperlihatkan bahasa dalam sesuatu budaya, pemikiran kognitif serta falsafah dan akal budi dalam sesuatu masyarakat. Semantik inkuisitif mampu mencungkil makna yang tersirat dalam sesuatu bahasa dengan memperlihatkan akal budi penutur dengan lebih mendalam. Menurut Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin dan Wan Nurasikin Wan Ismail (2016), gagasan utama dalam semantik inkuisitif ini adalah untuk meneroka makna ujaran orang Melayu tanpa meninggalkan falsafah dan akal budi Melayu. Perasaan ingin tahu dalam diri pengkaji sendiri akan menjawab kepada setiap persoalan dalam mindanya dengan menerokai sesuatu maksud yang tersirat. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2014), semantik inkuisitif dapat diteroka sehingga ke tafsiran akal budi penutur dengan menonjolkan makna khusus dan makna tidak khusus. Pemikiran yang khusus dan tidak khusus dalam semantik inkuisitif adalah menggambarkan nilai-nilai sosio-budaya sesuatu masyarakat. Melalui nilai-nilai ini pengkaji mampu menghasilkan kajian semantik inkuisitif dengan menerokai falsafah di sebalik sesuatu

masyarakat. Dalam kajian ini ironi yang berunsurkan haiwan dalam Bahasa Punjabi akan dicungkil dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif agar nilai sosio-budaya masyarakat Punjabi dapat dilihat sekali gus mentafsir pemikiran akal budi.

1.6.5 Bahasa Punjabi

Penutur asal Punjabi boleh ditemui di negara Punjab, Haryana, Rajasthan, Delhi dan Uttarpradesh. Punjabi adalah bahasa pilihan kaum Sikh dan ia juga merupakan bahasa agama Sikh. Negeri India Punjab adalah 60% Sikh dan 37% Hindu. Punjabi dikenali sebagai bahasa yang ke dua belas terbesar yang sering dituturkan dan juga sering digunakan di India Utara dan beberapa kawasan di Pakistan. Tulisan Punjabi mula dikembangkan melalui Gurmukhi. Maksud gurmukhi ialah “from the mouth of guru” kerana sepuluh orang Guru dalam Sikh telah mengembangkan ajaran Sikhism. Kemudiannya, bahasa Punjabi mula berkembang dengan pelbagai jenis pantun, ghazal dan syair dan bahasanya terus berkembang sehingga sekarang (Vishal Goyal & Gurpreet Singh Lehal, 2008).

1.6.7 Unsur haiwan

Haiwan bermaksud binatang yang dikelaskan dalam kumpulan mamalia, unggas, reptilia, amfibia dan serangga yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur dan jantina termasuk telur, semen, oosista dan embrio kecuali mamalia akuatik, tuntung, labi-labi dan penyu (Tatacara Pengurusan Aset Haiwan, n.d.). Dalam kajian ini pengkaji memfokuskan kepada unsur ironi dalam bahasa Punjabi yang berunsurkan haiwan. Tiada haiwan spesifik yang digunakan, malah pelbagai jenis haiwan yang akan digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini seperti ular, unta, kuda, lembu, katak, kerbau, anjing, kucing dan sebagainya.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian-kajian yang berkaitan dengan kiasan Melayu mahupun dalam apa jua bahasa memberi kepentingannya yang tersendiri. Kajian ini juga mempunyai beberapa kepentingan. Antara kepentingan yang utama ialah pengkaji sendiri dapat mengetahui penggunaan bahasa Punjabi dalam kiasan sekali gus memperlihatkan budaya masyarakat orang Punjabi. Walaupun kebanyakan kiasan yang digunakan dalam kajian ini bersifat negatif iaitu mempunyai unsur ironi, namun kiasan diwujudkan agar sesuatu perasaan diujarkan tanpa menyakiti hati seseorang. Hal ini demikian kerana, setiap kiasan mempunyai sifatnya yang tersendiri iaitu boleh dikategorikan dalam domain yang tertentu dengan mengikut konteks yang sesuai. Selain itu, masyarakat juga akan memperoleh ilmu mengenai kiasan dalam masyarakat Punjabi yang berunsurkan haiwan. Malaysia terdiri daripada rakyat yang berbilang kaum, dan kaum Punjabi merupakan kaum minoriti. Oleh itu, kajian ini mampu menjadi satu landasan untuk memperkenalkan budaya Punjabi sekali gus memperlihatkan kiasan yang digunakan dalam masyarakat Punjabi.

Jika dihalusi, kiasan mempunyai perkaitan yang rapat dengan budaya dan alam sekeliling. Hal ini demikian kerana, kebanyakan kiasan yang digunakan mempunyai unsur flora mahupun fauna. Dengan itu, masyarakat mampu memahami pemikiran bangsa Punjabi melalui kajian ini. Kajian ini juga mampu memberi kesedaran kepada generasi muda untuk menghargai bahasa mereka terutamanya dalam masyarakat Punjabi yang kini semakin lenyap dalam kalangan generasi muda. Mereka kurang memberi tumpuan terhadap bahasa Punjabi dan sering mengabaikannya, justeru hal ini boleh menjurus kepada kepupusan bahasa. Jadi bagi mengekalkan penggunaan bahasa Punjabi, pengkaji telah melaksanakan kajian ini untuk menukar persepsi segelintir masyarakat yang beranggapan bahasa kiasan hanya digunakan oleh masyarakat Melayu. Malah, kajian ini mampu membantu pengkaji lain yang ingin

melakukan kajian kiasan yang menggunakan bahasa Punjabi dengan dijadikan panduan dan mengkajinya dengan lebih mendalam. Oleh itu, kajian ini mampu membantu generasi muda untuk memahami sesuatu budaya dengan lebih jelas.

Kajian ini diharapkan dapat menyumbangkan maklumat lebih lanjut mengenai bahasa kiasan Punjabi serta teori semantik inkuisitif yang diaplikasikan, agar dapat mengembangkan lagi pemikiran falsafah yang tersirat dalam akal budi orang Punjabi. Kajian ini dapat menunjukkan dengan lebih jelas penggunaan bahasa kiasan yang sering digunakan dalam kalangan masyarakat Punjabi ketika dalam komunikasi harian. Oleh hal yang demikian, kajian mengenai bahasa kiasan Punjabi belum didokumentasikan, jadi melalui kajian ini bahasa kiasan Punjabi akan dapat diperkembangkan lagi melalui aspek yang lain. Kajian ini penting dijalankan bagi memperoleh aspek kiasan dalam bahasa Punjabi agar dapat dikelaskan dalam sudut yang lebih bersistematik. Perkara ini mampu dilaksanakan dengan mendokumentasikan senarai bahasa kiasan Punjabi yang mempunyai konsep semantik inkuisitif untuk memperlihatkan akal budi orang Punjabi. Para pembaca juga dapat menghayati inti pati kiasan sesuatu kaum sekali gus, mampu menimbulkan minat untuk mengetahui serta menjiwai sesuatu kajian kiasan yang dapat diperkembangkan oleh pengkaji lain, di samping dapat mengekalkan khazanah warisan yang wujud dari turun temurun.

1.8 Batasan Kajian

Batasan kajian penting diberi perhatian agar pengkaji tidak terpesong daripada tajuk yang ingin dikajinya. Setiap kajian mempunyai batasannya yang tersendiri dengan menumpukan kepada sesuatu teori mahupun skop yang ingin dirungkaikan. Kajian pengkaji terbatas pada bahasa kiasan Punjabi yang hanya mempunyai unsur haiwan. Kiasan jenis ironi iaitu sindiran sahaja yang digunakan yang mempunyai unsur haiwan dan menjelaskan makna serta pemikiran orang Punjabi di sebalik setiap kiasan tersebut. Hal ini demikian kerana, bahasa kiasan Punjabi tidak pernah didokumentasikan, jadi pengkaji hanya akan menemu bual informan untuk mendapatkan data-data tersebut. Bilangan kiasan Punjabi yang dipilih adalah sebanyak 25 kiasan. Jenis haiwan yang dipilih adalah pelbagai tiada yang spesifik dan pendekatan semantik inkuisitif digunakan dalam kajian ini untuk memperlihatkan akal budi orang Punjabi dalam 25 kiasan yang berunsurkan haiwan itu. Pengkaji juga telah menggunakan konsep seperti semantik, masyarakat Punjabi, Bahasa Punjabi, unsur haiwan dan pendekatan semantik inkuisitif.

1.9 Kesimpulan

Tuntasnya, bahasa memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan manusia serta menjadi lambang identiti kepada sesuatu masyarakat. Setiap bahasa mempunyai keunikannya yang tersendiri yang mampu menghasilkan keindahan sesuatu ujaran, mahupun sesuatu yang tersirat. Begitu juga dengan Bahasa Punjabi yang menjadi lambang identiti kepada masyarakat Punjabi yang beragama Sikh. Bahasa Punjabi juga mempunyai fungsinya yang tersendiri dalam beberapa aspek sastera dan linguistik. Puisi, syair dan novel yang dihasilkan mampu menarik minat pembaca, sekali gus menunjukkan sumbangan bahasa tersebut dalam bidang sastera. Selain itu, penggunaan kiasan dan peribahasa juga sering digunakan oleh masyarakat Punjabi, namun tiada bahan atau ujaran yang didokumentasikan. Masyarakat Punjabi sering menggunakan kiasan dalam pelbagai konteks mahupun dalam sindiran, gurauan dan nasihat. Kiasan yang digunakan bukan semuanya bersifat negatif dan menyindir, namun ada juga yang positif dan bersifat memuji.

Dalam kajian ini, pengkaji mengenal pasti kiasan yang digunakan dalam masyarakat Punjabi. Kiasan yang dikaji adalah bersifat ironi iaitu bersifat sindiran. Sindiran yang menarik minat pengkaji adalah yang berunsurkan haiwan. Hal ini demikian kerana, masyarakat Punjabi banyak menggunakan kiasan sindiran yang melibatkan unsur haiwan serta pelbagai jenis haiwan yang sering dikaitkan. Kajian ini menjadi lebih menarik apabila setiap kiasan tersebut akan dikupas maknanya dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Semantik ialah kajian makna iaitu setiap makna kiasan tersebut akan diterangkan. Semantik inkuisitif pula, ialah kajian yang melibatkan akal budi iaitu pengkaji akan mengenalpasti mengapa haiwan seperti itu yang digunakan dalam kiasan tersebut. Dalam menghuraikan akal budi orang Punjabi, sekali gus dapat merungkaikan maksud kiasan yang berunsurkan haiwan itu. Kiasan yang sering digunakan oleh masyarakat Punjabi dalam tuturan harian menjadi satu

keunikan dalam kalangan masyarakat tersebut kerana bahasa kiasan atau peribahasa jarang digunakan oleh masyarakat lain dalam komunikasi harian. Kiasan yang sering digunakan oleh masyarakat Punjabi adalah kerana ingin mengelak daripada menyatakan sesuatu secara terus kerana khuatir akan menyinggung perasaan pendengar.

Tuntasnya, kajian ini mampu menjadi satu landasan bagi pengkaji lain untuk memperluas lagi bidang semantik dalam kiasan mahupun peribahasa dalam sesuatu bahasa. Selain itu, bahasa Punjabi akan diketahui oleh masyarakat lain yang kurang pengetahuan tentang bahasa ini sekali gus dapat mengeratkan silaturahim antara pelbagai kaum. Jika penggunaan kiasan tidak dikaji dan diketahui umum, masyarakat akan dikatakan melupakan budaya mereka tersendiri kerana penggunaan kiasan sering diaplikasikan sejak turun temurun daripada nenek moyang kita. Oleh itu, bagi mengekalkan khazanah turun temurun yang mempunyai nilai estetik di samping menjayakan visi 1Malaysia dengan kajian berbagai-bagai bahasa.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.0 PENGENALAN

Bab ini menerangkan kajian secara literatur ke atas teori semantik yang pernah digunakan dalam oleh penyelidik-penyelidik baik dari dalam negara mahupun dari luar negara. Kajian semantik yang akan diterangkan dalam tinjauan literatur mengikut beberapa tahap. Pertama kajian yang melibatkan semantik skrip, kemudian diikuti dengan kajian semantik kognitif yang hanya memperlihatkan pemikiran dan terakhir kajian semantik inkuisitif yang merungkaikan akal budi dalam sesuatu masyarakat. Menurut Nik Safiah Karim (1992), yang menyatakan bahasa mempunyai corak yang memperlihatkan bentuk ujaran pada penuturnya dan dalam situasi bagaimana mereka menggunakannya serta keunikan sesuatu bahasa. Bahasa merupakan medium penting dalam komunikasi harian kerana tanpa satu bahasa komunikasi tidak akan berjalan dengan lancar dan menimbulkan kekangan. Dunia bumi yang luas merangkumi daripada pelbagai jenis kaum dan setiap kaum mempunyai bahasanya yang tersendiri. Oleh itu, penggunaan sesuatu bahasa akan menampakkan nilai sosial dan kebudayaan dalam sesuatu masyarakat.

2.1 Kajian di Malaysia

Kajian di Malaysia yang melibatkan bahasa Punjabi juga dikaji oleh penyelidik lain tetapi kajian tersebut lebih kepada kemunculan orang Sikh di Malaysia mahupun, masalah identiti yang dialami di Malaysia. Pengkaji tidak menjumpai kajian-kajian mengenai bahasa Punjabi yang melibatkan penggunaan pendekatan semantik inkuisitif mahupun kajian mengenai peribahasa dan kiasan. Sarjit S. Gill (2015), membuat penyelidikan mengenai kedatangan Orang Sikh di Malaysia sekali gus menceritakan tentang sejarah di sebalik kemunculan orang Sikh. Selain itu, pengkaji juga menghuraikan penglibatan orang Sikh dalam tiga pasukan keselamatan kolonial British di Malaya. Antara tiga pasukan keselamatan yang menjadi fokus beliau ialah polis, tentera dan ‘jaga’ (*watchman*). Oleh itu, melalui kajian beliau dapat memperlihatkan kemunculan orang Sikh ke Malaysia. Kajian Sarjit Singh (1999), dalam diaspora dan masalah identity Sikh di Malaysia hanya mengkaji tentang amalan dan pengajaran Sikh oleh generasi muda semakin diabaikan. Kajian ini lebih kepada menyelidik agama Sikh sekali gus memperlihatkan budaya orang Sikh di Malaysia. Namun, kajian ini lebih memfokuskan kepada kiasan bahasa Punjabi yang sering digunakan oleh masyarakat Punjabi dalam komunikasi harian.

Penggunaan kiasan merupakan satu keunikan dalam penyampaian sesuatu ujaran sama ada secara positif mahupun negatif. Tujuan kiasan digunakan adalah untuk mengujarkan sesuatu secara tersirat agar tidak menyingung perasaan seseorang individu sekali gus memperlihatkan konsep semantik yang digunakan. Kiasan yang juga merupakan bahasa figuratif digunakan untuk mewujudkan sifat puitis dalam sesuatu karya (Noor Eliza Abdul Rahman & Zulazhan Ab. Halim, 2016). Namun, sifat puitis tersebut kini mula dikembangkan dengan pelbagai jenis unsur alam yang boleh dikaitkan dalam megujarkan sesuatu kiasan. Kiasan kini sering digunakan bagi meluahkan perasaan tidak kira perasaan marah atau suka

kerana kiasan boleh berfungsi sebagai sindiran mahupun sebaliknya kerana setiap ujaran yang diujarkan adalah berkias. Kajian yang berkaitan dengan kiasan Punjabi yang menggunakan pendekatan semantik, kurang menjadi tumpuan dan masih tiada kajian yang didokumentasikan oleh mana-mana pengkaji.

Teori semantik memang menjadi tumpuan dalam kalangan pengkaji dalam mengkaji kiasan mahupun peribahasa kerana gaya bahasa ini mempunyai keunikannya yang tersendiri. Namun, perkembangan bidang semantik dapat dilihat dalam beberapa aspek. Antaranya dalam kajian Nathesan (2002), mengkaji teori semantik dan kajian kepustakaan terhadap semantik leksikal iaitu beliau memfokuskan kajiannya dalam semantik leksikal dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai mediumnya. Beliau telah menggunakan pendekatan semantik kontekstual yang diperkenalkan oleh Malinoswski dengan memperhatikan domain budaya. Domain budaya yang dipilih adalah penyakit, tumbuh-tumbuhan, ubat-ubatan dan warna dan kajian ini bersifat kualitatif. Oleh itu, kajian ini memperlihatkan peringkat awal semantik iaitu semantik leksikal sahaja dan kajian semantik boleh diperkembangkan ke tahap kognitif.

Kajian kiasan dalam beberapa bahasa telah dikaji oleh pengkaji lain. Dalam kajian Mohd. Rasdi bin Saamah (2011), yang mengkaji kiasan Bahasa Semai di sebalik penggunaan unsur haiwan. Data beliau meliputi kiasan haiwan yang dapat dikaitkan dengan kehidupan masyarakat Semai serta penggunaannya yang berunsurkan haiwan memperlihatkan konteks Orang Asli suku kaum Semai disamping makna implisitnya. Kajian ini menggunakan kerangka konseptual linguistik kognitif Lakoff-Johnson (1980). Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk memperlihatkan pemikiran masyarakat suku kaum Semai dalam penggunaan kiasan yang berunsurkan alam dan budaya. Teknik menemu bual kaum Semai

diaplikasikan dalam pengumpulan data dan kajian ini bersifat kualitatif yang memperlihatkan pemikiran orang Semai.

Kemudian, semantik kognitif memperlihatkan premis yang diutamakan dalam aliran ini adalah *meaning is embodied*, iaitu makna adalah dikonsepsikan daripada pengalaman badaniah (Lakoff, 1987) yang dikaji oleh Nor Hashimah Jalaluddin, Anida Sarudin dan Zaharani Ahmad (2012). Dalam kajian ini pengkaji hanya memfokuskan kepada perluasan perkataan ‘alim’ yang juga mengaplikasikan data korpus daripada pangkalan data UKM-DBP (yang terdiri daripada akhbar, buku dan majalah) dan korpus DBP (buku-buku era 1970-an hingga 2000 ke atas) daripada pangkalan data Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bagi mewakili era semasa. Makna ‘alim’ yang diperluaskan dapat dilihat dari segi makna terasnya yang sememangnya bermaksud arif tentang ilmu agama. Namun, kajian kognitif juga dapat memperlihatkan kognitif perkataan ‘alim’ dalam sifat akhlak, kiasan seperti contoh alim-alim kucing dan sebagai gelaran atau darjat seseorang individu. Melalui penggunaan semantik kognitif pengkaji dapat merungkaikan perkataan ‘alim’ kepada beberapa makna yang relevan.

Selain itu, kajian kognitif juga dapat diperlihatkan dalam kajian yang menggunakan unsur haiwan. Dalam kajian Imran Ho-Abdullah (2011), beliau menyatakan peribahasa banyak menggunakan unsur haiwan, justeru beliau mengambil peluang ini untuk merungkaikan peribahasa yang mempunyai unsur binatang dengan menggunakan pendekatan semantik kognitif. Jika diteliti beliau menggunakan binatang anjing dalam peribahasa Melayu yang sekali gus memperlihatkan penggunaan binatang dalam peribahasa Melayu menunjukkan keakraban budaya orang Melayu dengan binatang. Kajian ini memfokuskan sudut pandangan kognitif dan juga melibatkan fikiran dari segi semantik bagi mendapatkan makna yang tersirat bagi setiap peribahasa tersebut. Oleh itu, kajian ini lebih mementingkan pemikiran bagi menghasilkan makna tertentu. Dengan itu, perkembangan kajian semantik

dapat diperlihatkan dalam kajian-kajian yang lepas, namun kajian semantik telah dibawa ke peringkat yang lebih tinggi iaitu semantik inkuisitif yang juga menjadi antara kajian penyelidikan yang sering menjadi tumpuan.

Jika diteliti, kajian Nur Afifah Wan Mansor dan Nor Hashimah Jalaludin (2016), juga memperlihatkan kajian kiasan yang menggunakan kerangka semantik inkuisitif dalam pengumpulan data beliau. Kajian ini dilaksanakan bagi merungkaikan penggunaan kiasan Melayu dengan memperlihatkan akal budi orang Melayu. Kajian ini merupakan kajian kualitatif iaitu pengumpulan data dikumpul melalui tiga buah kamus dan diteguhkan lagi dengan data korpus. Walaupun kaedah inkuisitif diaplikasikan, namun teori kognitif dan falsafah juga diperlihatkan dalam mentafsir akal budi orang Melayu dalam kiasan tersebut. Kajian beliau memperlihatkan unsur deria rasa masam, masin, manis dan pahit dan asisiasinya dapat ditonjolkan apabila falsafah, sebab dan makna yang terkandung di dalam sesuatu kiasan mampu dicerna serta difahami dengan lebih mendalam.

Di samping itu, kajian semantik inkuisitif yang memperlihatkan akal budi sesuatu budaya juga dapat dilihat dalam kajian Junaini Kasdam, Nor Hashimah Jalaluddin dan Wan Nurasikin Wan Ismail dalam “International Journal of the Malay World and Civilisation” (2016) yang menggunakan imej haiwan ikan dalam pengumpulan datanya. Pengkaji telah membuat kajian yang mempunyai peribahasa dengan imej ikan dan mengaplikasikan semantik inkuisitif dengan memperjelaskan makna semantik inkuisitif. Landasan utama dalam pendekatan semantik inkuisitif adalah merungkaikan makna ujaran sesuatu budaya dengan memperlihatkan falsafah serta akal budi budaya tersebut dan kajian ini memfokuskan kepada peribahasa Melayu. Kajian ini membuktikan bahawa imej ikan mampu dikaitkan dengan sikap orang Melayu yang selalu dikategorikan sebagai malas, namun kajian ini telah membuktikan tanggapan orang salah. Hal ini dapat ditunjukkan dalam peribahasa orang

Melayu yang wujud kian lamanya “*ikan biar dapat serampang jangan pokah*” yang membawa maksud sentiasa teliti atau berhati-hati ketika melaksanakan sesuatu tugas. Selain itu, peribahasa “*jangan ikan di hulu tuba di hilir*” menunjukkan bahawa bagi mendapatkan sesuatu hasil, seseorang itu haruslah mempunyai strategi. Melalui peribahasa ini jelas dapat dilihat falsafah orang Melayu yang berusaha bersungguh-sungguh dalam mencapai sesuatu matlamat. Ikan-ikan yang terdapat di sungai, paya dan kawasan yang berair memiliki sumber protein yang penting dan murah. Ini dapat dikaitkan dengan penggunaan peribahasa yang mengadungi unsur kebaikan. Oleh itu, imej ikan dapat merungkaikan akal budi orang Melayu dalam sistem nelayan sekali gus memperlihatkan falsafah dalam budaya Melayu yang mengadaptasikan semantik inkuisitif.

Kajian Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdam (2017), juga mengkaji elemen dualisme yang dimaksudkan di sini ialah elemen seperti padi-lalang, cempedak-nangka dan asam-garam. Kaedah yang digunakan dalam pengumpulan data adalah jenis kualitatif dengan melibatkan data sekunder, iaitu peribahasa Melayu yang diambil daripada pangkalan data *Malaycivilization* UKM (<http://www.malaycivilization.ukm.com>). Kaedah menganalisis data adalah dengan menghuraikan makna peribahasa dengan lebih lanjut, peribahasa berkaitan akan dianalisis menggunakan Rangka Rujuk Silang dalam teori relevans. Gabungan Rangka Rujuk Silang dengan maklumat budaya yang mendalam mampu menghasilkan penghuraian makna kiasan Melayu. Rangka rujuk silang ini dapat dilihat dalam tiga tahap analisis data iaitu tahap pertama memperlihatkan pemikiran kognitif serta falsafah orang Melayu, tahap kedua ialah tafsiran peringkat kognitif yang memperlihatkan peringkat abstrak dan yang terakhir tahap semantik inkuisitif yang jawapan diterokai untuk mendapat maklumat konkrit sekali gus merungkaikan akal budi orang Melayu dalam peribahasa tersebut.

Suriati Zakaria dan Nor Hashimah Jalaluddin (2016), juga menggunakan pendekatan semantik inkuisitif dalam mengkaji konsep ruang dalam Anggun Cik Tunggal. Kaedah menganalisis data, pengkaji menggunakan teori semantik inkuisitif yang juga melibatkan teori kognitif serta falsafah dan akal budi orang Melayu. Tujuan penyelidikan ini dilaksanakan adalah untuk menyingkap konsep ruang fizikal bagi ungkapan yang tersirat dalam cerita Anggun Cik Tunggal. Bagi merungkakan data pengkaji tiga tahap telah digunakan. Tahap pertama teori relevan telah digunakan bagi mendapatkan makna, tahap kedua memperlihatkan pemikiran kognitif dalam sesuatu ujaran dan tahap yang ketiga menganalisis menggunakan teori semantik inkuisitif dengan memperlihatkan akal budi masyarakat Melayu. Kajian ini didapati masyarakat dahulu begitu rapat dengan unsur alam yang dibuktikan melalui penggunaan perkataan yang berunsurkan flora dan fauna. Oleh itu, dapat dijelaskan bahawa masyarakat Melayu bijak berkata-kata dengan menggunakan unsur alam dalam sesuatu peribahasa mahupun kiasan. Mohd Zaki Abdul Latiff dan Suriati Zakaria (2016), turut mengkaji konsep ruang melalui fauna dalam Cerita Lipur Lara. Dalam kajian ini pengkaji hanya fokus kepada unsur fauna sahaja dan data dianalisis berlandaskan konsep *ad hoc* yang digagaskan oleh Robyn Carston (2002). Kajian ini menjelaskan ruang lingkup dengan menggunakan kaedah kualitatif. Data diambil daripada cerita Lipur Lara dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif dalam memperlihatkan unsur fauna yang digunakan. Selain itu, unsur fauna yang dianalisis dapat dikaitkan dengan akal budi orang Melayu serta falsafah disebalik setiap unsur fauna dalam cerita Lipur Lara tersebut.

Saidatul Nornis Hj. Mahali dan Mohd. Rasdi bin Saamah (2013), pula dalam kajiannya meneliti unsur haiwan sebagai perlambangan dalam peribahasa Semai dan menggunakan kerangka etnografi komunikasi yang dikemukakan oleh Dell Hymes (1972). Kerangka ini memberi penelitian terhadap struktur, fungsi, dan situasi aktiviti sesuatu pertuturan. Kajian ini

menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah temu bual diaplikasikan bagi pengumpulan data. Kajian ini dapat memperlihatkan betapa orang Semai ialah pemerhati yang baik iaitu mampu menggabungkan antara alam dan kehidupan sebenar manusia. Pemerhatian ini dapat dirungkaikan oleh pengkaji dengan merungkaikan peribahasa masyarakat Orang Asli suku kaum Semai yang berunsurkan haiwan mengikut konteks masyarakat Semai disamping makna implisitnya. Pemerhatian yang dapat dirungkaikan memperlihatkan akal budi dalam masyarakat kaum Semai. Pengkaji mengaitkan cara pemikiran Orang Asli Semai dalam perbandingan perlambangan unsur haiwan dalam peribahasa Semai. Oleh itu, kajian yang menggunakan semantik inkuisitif banyak dikaji dalam negara dan dikaji dalam pelbagai jenis bahasa. Dengan itu, pengkaji ingin merungkaikan kajian kiasan bahasa Punjabi dalam menggunakan kaca mata semantik inkuisitif.

2.2. Kajian luar negara

Kajian luar negara juga ada dikaji dalam bidang-bidang semantik seperti di Gujarat. Kajian Mubashir Iqbal, Riaz Ahmed Mangrio dan Raza E Mustafa (2017), mengkaji tentang semantik yang mempunyai unsur morfologi Punjabi *Nun* dan Urdu *ko*. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah *ergative*, *dative* dan *accusative* dalam pengumpulan data. Perkataan *Nun* dalam Punjabi dibandingkan dengan *ko* dalam Urdu dengan menggunakan tiga kaedah tersebut. Perbandingan dilaksanakan dengan melihat konteks morfologi sekaligus, memperlihatkan konsep semantik dengan penggunaan sesuatu perkataan dalam konteks tertentu. Melalui kajian ini perkataan Punjabi *Nun* memperlihatkan maksud yang kabur dalam sesuatu konteks dengan penggunaan ayat pasif mahupun aktif berbanding penggunaan perkataan *ko* dalam Urdu. Walaupun kajian ini menggunakan pendekatan semantik, namun semantiknya adalah hanya tahap semantik skrip yang memperlihatkan perbezaan perkataan jika dikaitkan dengan imbuhan. Oleh itu, kajian ini tidak dikaji hingga ke peringkat semantik inkuisitif.

2.3 Kesimpulan

Tuntasnya, kajian semantik banyak dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji lepas dalam pelbagai jenis kajian mahupun dalam kiasan ataupun peribahasa. Setiap kajian mempunyai batasannya yang tertentu untuk dijadikan fokus utamanya dan kajian semantik merupakan antara kajian yang sentiasa berkembang sehingga menimbulkan idea dan dapatan yang tidak pernah lagi diperoleh. Jika dihalusi, kebanyakan kajian semantik yang dikaji lebih memfokuskan kepada Bahasa Melayu, namun ada juga bahasa seperti bahasa Semai dan bahasa Punjabi yang dikaji dalam pendekatan semantik. Tetapi kajian-kajian tersebut tidak diperkembangkan lagi ke tahap yang lain. Kajian semantik dalam bahasa Punjabi hanya di permukaan asas yang memperlihatkan tahap semantik skrip sahaja. Terdapat beberapa kelompangan dalam kajian lepas yang telah dilakukan sebelum ini. Antaranya, ialah penyelidikan mengenai bahasa kiasan dalam bahasa Punjabi yang memperlihatkan unsur haiwan. Kajian berkaitan kiasan belum pernah didokumentasikan oleh mana-mana pengkaji. Selain itu, pengkaji mendapati kebanyakan kajian lepas lebih memberi tumpuan kepada peribahasa Melayu yang menggunakan pendekatan semantik kognitif dan semantik inkuisitif. Oleh itu, pengkaji mengadaptasikan pendekatan semantik inkuisitif untuk merungkaikan kiasan dalam bahasa Punjabi yang berunsurkan haiwan. Oleh itu, pengkaji menggunakan semua ilmu yang didapati dalam sorotan kajian lepas dan melaksanakan kajian dengan menggunakan kelompangan-kelompangan yang terdapat dalam kajian lepas.

BAB 3

METODOLOGI

3.0 PENGENALAN

Bab ini akan menjelaskan serta menerangkan metodologi kajian yang diadaptasikan dalam melaksanakan kajian ini. Kaedah yang terperinci harus disenaraikan agar memberi gambaran yang sistematik tentang setiap langkah yang digunakan dalam kajian. Menurut Gumilar Rusliwa Somantri (2005), kaedah kualitatif dan kuantitatif digunakan dalam kajian dengan perkembangan dari akar filosofos dan teori sosial. Beliau juga menegaskan bahawa kaedah kualitatif lahir daripada eksperimental, pengalaman traditional dan positivistik. “Malah kaedah kualitatif dikatakan berusaha mengkonstruksirealitas dan memahami maknanya sehingga penelitian kualitatif biasanya sangat memperhatikan proses, peristiwa dan otentisitas” (Gurmilar Rusliwa Somantri 2005).

Menurut Konting (1990), metodologi ialah cara pengkaji mendapatkan maklumat serta data melalui kaedah penyelidikan pendidikan, bagi mencapai matlamat sesuatu kajian manakala Kamus Dewan Edisi Keempat (2016), mentakrifkan metodologi sebagai sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin. Selain itu, Cohen dan Manion (1996), menyatakan metodologi ialah satu pendekatan dalam penyelidikan pendidikan bagi pengumpulan data. Kajian yang bersifat kualitatif ialah penulisan yang memperlihatkan aspek sosial iaitu termasuk sosiologi (Gumilar Rusliwa Somantri 2005).

Oleh hal yang demikian, metodologi kajian yang akan digunakan dalam kajian ini adalah untuk menjelaskan makna dan kemudian menerangkan setiap perkembangan yang

terdapat dalam penulisan kajian ini agar mudah difahami. Jadi, bab ini akan mengemukakan jenis metodologi yang digunakan untuk menyelesaikan kajian ini.

3.1 Reka bentuk kajian

Kerlinger (1973), menyatakan reka bentuk kajian yang sesuai dapat mengawal varian sesuatu kajian yang tidak berkaitan dengan penyelidikan. Ini bermakna pemboleh ubah yang tidak berkaitan atau tidak sesuai dapat diasingkan daripada mempengaruhi sesuatu kajian. Kajian ini merupakan kajian penyelidikan penerangan. Kajian ini tidak berpandukan sebarang rujukan bercetak. Hal ini demikian kerana, unsur bahasa kiasan dalam Bahasa Punjabi masih belum didokumentasikan oleh mana-mana pengkaji. Oleh itu, pengkaji hanya menjalankan sesi temu bual dengan masyarakat Punjabi untuk mendapatkan data. Pengkaji telah menemu bual tiga orang informan untuk mendapatkan kiasan Punjabi yang berunsurkan haiwan. Kesemua informan tersebut merupakan orang Sikh yang berasal dari Malaysia. Masing-masing informan mempunyai taraf pendidikan yang berbeza. Namun, bagi mencungkil lagi makna kiasan dengan lebih mendalam, pengkaji hanya menggunakan tiga orang informan. Salah seorang informan mempunyai taraf pendidikan yang biasa serta pengetahuan lebih dalam bahasa Punjabi kerana individu tersebut terdiri daripada orang tua yang berumur antara lingkungan 70-80 tahun. Seorang lagi informan merupakan paderi di Gurdwara dan sudah sememangnya mempunyai banyak pengetahuan tentang agama Sikh serta bahasa kiasan Punjabi. Seorang lagi merupakan individu yang berasal daripada India serta mempunyai pemahaman yang lebih mengenai bahasa kiasan Punjabi. Perbezaan taraf pendidikan serta kefahaman informan dalam kiasan Punjabi dapat membantu pengkaji membezakan nilai kefahaman sekali gus mendapat data yang sahih dalam penggunaan unsur haiwan bagi kiasan Punjabi.

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan maklumat mengenai kiasan Bahasa Punjabi. Kualitatif digunakan kerana pengkaji menemu bual informan untuk mendapatkan data kiasan dalam Bahasa Punjabi sekali gus, merungkaikan unsur haiwan yang digunakan dalam kiasan tersebut. Selain itu, teori semantik inkuisitif juga dipraktikkan dalam kajian ini untuk mengkaji akal budi masyarakat Punjabi dalam kiasan-kiasan tersebut serta memperlihatkan maksud di sebalik setiap haiwan yang digunakan dalam kiasan tersebut. Reka bentuk penyelidikan dapat dilihat dengan jelas lagi dalam jadual 3.1.1 di bawah.

Jadual 3.1.1

Reka Bentuk Kajian	Kaedah Pengumpulan Data	Informan / Sampel	Jenis Data
-	Temu bual	Empat orang yang beragama Sikh	Kualitatif
Deskriptif	Kepustakaan	-	-

Dalam kajian ini sebanyak 25 kiasan yang dikumpul oleh pengkaji melalui temu bual. Menurut Syed Arabi Aidid (1992), satu kajian mempunyai kebolehpercayaannya yang amat tinggi dan mempunyai beberapa ciri seperti stabiliti, konsistensi, keramalan dan ketepatan. Menurut beliau lagi dalam Muhammad Fauzi Jumingan (2003), pemilihan sampel yang terlalu banyak tidak semestinya melambangkan ketepatan dapatan yang diinginkan. Dalam kajian ini pengkaji memfokuskan kepada kiasan yang berunsur ironi sahaja dan kesemua 25 data tersebut menepati kehendak pengkaji. Kesemua contoh telah disenaraikan dengan transkripsi rumi berserta maksud setiap kiasan tersebut seperti dalam jadual 3.1.2 di bawah.

Jadual 3.1.2

Bahasa Kiasan Punjabi

Data 1

Kiasan Punjabi	meri	billi	menu	meow
Terjemahan langsung	Kepunyaan saya	kucing	saya	mengeow

Terjemahan gramatis : **Kucing** saya mengeow saya.

Makna : seseorang mengajar balik apa yang diajar oleh individu yang telah mengajar seseorang itu.

Data 2

Kiasan Punjabi	kuttey	dhi	pooch	kadhe	sidhi	nayi	hondhi
Terjemahan langsung	anjing	punya	ekor	tidak	lurus	akan	pernah

Terjemahan gramatis : ekor **anjing** tidak pernah akan lurus

Makna : Seseorang yang jahat akan kekal jahat dan tidak akan insaf.

Data 3

Kiasan Punjabi	Gha	da	ghou	cheriya	chitte	tere	mu	tey	pyengey
Terjemahan langsung	lembu	punya	tahi	kacau	tempias	kamu	muka	pada	kena

Terjemahan gramatis : mengacau tahi **lembu** akan terpericik ke muka sendiri

Makna : Kalau seseorang membalas balik kejahatan pada orang yang memang sudah bermasalah, kita juga yang akan menimpa padah

Data 4

Kiasan Punjabi	kattey	wargu	na	ringi	ja
Terjemahan langsung	Anak kerbau	macam	jangan	bising	terus

Terjemahan gramatis : bising macam **anak kerbau**

Makna : Seseorang yang membuat bising dengan sesuatu ujaran yang tidak masuk akal

Data 5

Kiasan Punjabi	Avdha	ghora	na	pajayi	ja
Terjemahan langsung	kamu	kuda	jangan	laju	terus

Terjemahan gramatis : Jangan menunggang **kuda** kamu dengan laju
 Makna : Seseorang yang bercakap tanpa fakta yang sahih (melibatkan unsur dongeng)

Data 6

Kiasan punjabi	sau	choohe	khake	billi	hajj	nu	challi
Terjemahan langsung	seratus	tikus	makan	kucing	ibadat	itu	pergi

Terjemahan gramatis : makan seratus **tikus, kucing** menjalani ibadat
 Makna : Seseorang yang sentiasa melakukan kejahatan kemudian berlagak seperti orang yang sangat suci

Data 7

Kiasan punjabi	putiya	pahaad	niklya	chhoha
Terjemahan langsung	gali	bukit	keluar	tikus

Terjemahan gramatis : bukit yang digali akhirnya keluar **tikus** sahaja.
 Makna : Seseorang yang bersikap tamak yang ingin mengaut keuntungan akhirnya tidak mencapai apa-apa.

Data 8

Kiasan Punjabi	jithon	de	khote	othay	hee	aan	khalotee
Terjemahan langsung	dari	mana	keldai	dari	situ	sahaja	berdiri

Terjemahan gramatis : dari mana datangnya **keldai** itu, ia masih berdiri di situ
 Makna : Memujuk seseorang yang tidak ingin memahami apa yang sedang diberitahu

Data 9

Kiasan punjabi	bander	wargu	tappi	jandha
Terjemahan langsung	monyet	macam	lompat	sedang

Terjemahan gramatis : melompat macam **monyet**

Makna : Berkelakuan tidak sopan di khalayak ramai

Data 10

Kiasan punjabi	billi	the	gal	talli
Terjemahan langsung	kucing	pada	leher	loceng

Terjemahan gramatis : loceng di leher **kucing**

Makna : seseorang yang ingin menundukkan individu lain demi kepentingan sendiri.

Data 11

Kiasan punjabi	khotey	da	putar
Terjemahan langsung	keldai	punya	anak

Terjemahan gramatis : anak **keldai**

Makna : Seseorang yang kurang pandai

Data 12

Kiasan punjabi	sappe	wargu	fukhare	mardha
Terjemahan langsung	ular	macam	mendesis	pukul

Terjemahan gramatis : mendesis macam **ular**

Makna : Menyatakan sesuatu dengan perkataan yang pedas sehingga menyinggung perasaan pendengar

Data 13

Kiasan punjabi	Cothe	wargu	khanda
Terjemahan langsung	kerbau	macam	makan

Terjemahan gramatis : makan macam **kerbau**

Makna : Makan dengan gelojoh

Data 14

Kiasan punjabi	magarmach	de	atharu	na	dekha
Terjemahan langsung	buaya	punya	tangisan	jangan	tunjuk

Terjemahan gramatis : jangan menangis macam **buaya**

Makna : Seseorang yang berpura-pura menangis untuk mendapatkan simpati orang lain.

Data 15

Kiasan punjabi	maj	mure	been	bajaundha	koi	faidha	nayi
Terjemahan langsung	kerbau	depan	seruling	bermain	ada	faedah	tidak

Terjemahan gramatis : seseorang bermain seruling untuk **kerbau** dan tiada faedah

Makna : Seseorang memaksa individu lain untuk melakukan sesuatu yang bukan bidangnya

Data 16

Kiasan punjabi	desi	kutta	kureshani	boli
Terjemahan langsung	kampung	anjing	Quresh	percakapan

Terjemahan gramatis : **anjing** kampung dengan percakapan asing

Makna : Bercakap menggunakan bahasa asing untuk menarik perhatian orang lain

Data 17

Kiasan punjabi	khaan	peen	nu	bandri	sota	khaan	nu	ricch
Terjemahan langsung	makan	minum	itu	monyet	kayu	makan	itu	beruang

Terjemahan gramatis : makan minum macam **monyet** kena pukul macam **beruang**

Makna : Orang yang bersusah payah melakukan sesuatu akhirnya orang lain yang mendapat nama

Data 18

Kiasan punjabi	chhapad	da	gwaah	dadoo
Terjemahan langsung	tasik	punya	saksi	katak

Terjemahan gramatis : angkat sumpah oleh **katak**

Makna : Seorang saksi yang tiada fakta kukuh kerana hanya menurut perintah

Data 19

Kiasan punjabi	khothe	ton	digg	payi	vehre	naal	russ	payi
Terjemahan langsung	keldai	dari	jatuh	sudah	halaman rumah	dengan	merajuk	sudah

Terjemahan gramatis : jatuh dari **keldai** merajuk dengan halaman rumah

Makna : Menyalahkan orang lain atas kesalahan sendiri

Data 20

Kiasan punjabi	sherni	da	dudh	sone	de	phaande	ch	hi	samaunda
Terjemahan langsung	Singa betina	punya	susu	emas	punya	balang	itu	hanya	simpan

Terjemahan gramatis : susu **singa betina** hanya boleh disimpan dalam balang emas

Makna : Menganggap dirinya sangat hebat dan tiada yang boleh menandinginya

Data 21

Kiasan punjabi	ghora	niayu	ta	paani	piayu
Terjemahan langsung	kuda	tunduk	atau	air	bagi minum

Terjemahan gramatis : menundukkan **kuda** dan berinya minum

Makna : jika inginkan pertolongan seseorang perlu bersifat rendah diri.

Data 22

Kiasan punjabi	apni	galee	vich	kutta	vi	sher
Terjemahan langsung	sendiri	kawasan	dalam	anjing	pun	singa

Terjemahan gramatis : dalam kawasan sendiri **anjing** pun jadi **singa**

Makna : Hanya menunjukkan keberanian jika berada di kawasan sendiri.

Data 23

Kiasan punjabi	hun	pashtain	ki	howega	jab	chidia	chug	gai	khet
Terjemahan langsung	sekarang	menyesal	apa	jadi	bila	burung	makan	sudah	gandum

Terjemahan gramatis : tidak guna menyesal sekarang apabila **burung** makan semua gandum itu.

Makna : Selepas perkara yang tidak diingini terjadi tidak guna lagi hendak menyesal

Data 24

Kiasan punjabi	khoote	da	khoota	hi	riya
Terjemahan langsung	keldai	punya	keldai	tetap	jadi

Terjemahan gramatis : **keldai** tetap akan jadi **keldai**

Makna	: Jika seseorang itu kurang bijak, dia akan kekal menjadi kurang bijak kerana tiada usaha untuk mencuba.								
Data 25									
Kiasan punjabi	dhobi	ka	kutta	na	ghar	ka	na	ghat	ka
Terjemahan langsung	dobi	punya	anjing	tidak	rumah	punya	tidak	sungai	punya
Tterjemahan gramatis	: anjing dobi itu bukan dari rumah mahupun dari tepi sungai								
Makna	: Seseorang yang tidak menyebelahi mana-mana pihak untuk mengelakkan diri sendiri menjadi mangsa (lalang).								

3.2 Prosedur pengumpulan data

Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu menemu bual informan untuk mendapatkan data berkaitan dengan kiasan Bahasa Punjabi yang mempunyai unsur haiwan. Data yang dikumpul oleh pengkaji adalah sebanyak 25 kiasan yang berunsurkan haiwan. Bagi mendapatkan 25 kiasan bahasa Punjabi tersebut, pengkaji menemu bual informan dan juga mengeluarkan beberapa maklumat mengenai kiasan tersebut. Hal ini demikian kerana, kajian ini hanya bergantung kepada pengumpulan data melalui temu bual kerana kiasan dalam Bahasa Punjabi yang berunsurkan haiwan masih belum lagi didokumentasikan, tetapi sering digunakan oleh masyarakat Punjabi ketika berkomunikasi.

3.3 Prosedur analisis data

Dalam kajian ini analisis kajian dilaksanakan melalui beberapa peringkat bagi menunjukkan penjelasan yang tepat. Pertama, penyelidik mengumpul senarai kiasan tersebut dan segala data adalah hasil daripada temu bual dengan informan. Kemudian, pengkaji menyenaraikan semua kiasan dalam satu jadual dengan menunjukkan makna bagi setiap kiasan Punjabi itu. Seterusnya, pengkaji melaksanakan penterjemahan data kerana segala data

yang diperoleh adalah dalam bahasa Punjabi. Jadi pengkaji melakukan penterjemahan langsung “direct translation” tanpa memperlihatkan aspek tatabahasanya serta susunan ayat dan kemudian memberi makna yang tersirat bagi setiap kiasan tersebut dari segi tatabahasa yang bersifat sistematik serta gramatis mengikut bahasa Melayu. Menurut Ainon Muhammad (1994), terdapat empat syarat yang penting bagi melakukan penterjemahan iaitu mengetahui bahasa penerima dan mengetahui bahasa sumber, pengetahuan dalam bidang yang diterjemah serta mengetahui teori dan amalan terjemahan. Jadi, bagi proses penterjemahan, penyelidik menggunakan kamus Dewan Edisi Keempat sebagai panduan penterjemahan.

Setelah selesai proses penterjemahan, pengkaji menganalisis data dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif dan memperlihatkan konsep akal budi dalam masyarakat Punjabi. Analisis dibuat dengan bukti daripada sesi temu bual dengan informan bagi mengaitkan sebab penggunaan unsur haiwan seperti kuda, monyet, anjing dan sebagainya dalam masyarakat Punjabi. Bagi membawa analisis kiasan ke satu landasan yang lebih menarik, pengkaji juga mengaitkan unsur haiwan ini dengan pemikiran orang Punjabi pada zaman dahulu bagi merungkaikan akal budi dalam masyarakat Punjabi yang mampu mencipta kiasan yang bersifat ironi. Setiap makna implisit di sebalik 25 kiasan tersebut dirungkaikan dengan menggunakan konsep semantik inkuisitif.

3.3.1 Contoh analisis data

Data 14

Kiasan punjabi	magarmach	de	atharu	na	dekha
Terjemahan langsung	buaya	punya	tangisan	jangan	tunjuk

Terjemahan gramatis : jangan menangis macam **buaya**

Makna : Seseorang yang berpura-pura menangis untuk mendapatkan simpati orang lain.

Semantik Skrip

Makna harfiah bagi kiasan ini ialah buaya (*magarmach*) ialah seseorang yang berpura-pura menangis untuk mendapatkan simpati individu lain. Namun, tangisan yang dikeluarkan hanya palsu semata-mata dan terdapat agenda negatif di sebaliknya.

Semantik Resonans

Pemikiran masyarakat Sikh menurut informan (Satwan Kaur, komunikasi lisan, November 3, 2017), menyatakan bahawa buaya sering berpura-pura tidak bergerak ataupun berpura-pura mati untuk memperdayakan mangsa mereka. Melalui itu, buaya dapat menangkap mangsanya dengan mudah. Tambah beliau lagi, masyarakat Punjabi sering melihat buaya sebagai seekor binatang yang buas dan perlu sentiasa berhati-hati daripada terperangkap dengan tipu helahnya kerana rupa fizikal seekor buaya yang mempunyai kulit yang keras dan menggerutu menampakkan cirinya yang ganas.

Semantik Inkuisitif

Mengapa buaya yang digunakan dalam kiasan ini? Hal ini demikian kerana buaya menangis ketika makan sebab ingin menunjukkan penyesalan palsu terhadap mangsa yang sudah semestinya menunjukkan satu sifat kepuraan (Shaner & Vliet, 2007). Penyesalan palsu dapat

dilihat apabila air mata buaya menitis dan titisan air mata itu adalah kerana kelenjar air mata buaya akan mengeluarkan cecair untuk mengeluarkan kelebihan garam daripada buaya. Oleh hal yang demikian, “buaya yang menangis bukan kerana ia benar-benar sedih tetapi kerana sifat biologinya sebegitu” (Kumpulan info, n.d.). Nurhasma Muhamad Saad, Kartina Kamaruzaman dan Rosni Samah (n.d.), menyatakan pengarang cerita kanak-kanak seringkali mengadaptasi sifat-sifat manusia untuk disuntik ke dalam watak haiwan yang merupakan simbolik kepada sifat-sifat tertentu seperti buaya untuk sifat khianat dan dusta dalam cerita “Tangisan Buaya” (qissah dumuc al-tamasih). Selain itu, buaya ialah seekor binatang yang sangat licik dan mampu memperdayakan manusia dengan pergerakannya. Jadi, masyarakat Punjabi melihat bahawa buaya seekor haiwan yang bijak memperdayakan mangsanya dengan gerak lakunya seperti tidak hidup serta sifatnya yang ganas dan tidak menampakkan kelemahannya. Kelemahan yang dimaksudkan dalam kiasan ini ialah air mata (*atharu*). Air mata (*atharu*) merupakan cecair yang keluar dari mata mahupun dalam keadaan sedih dan gembira, malah juga apabila habuk atau sesuatu benda secara tidak sengaja masuk ke dalam mata. Namun, dalam kiasan ini air mata yang menjadi fokus ialah perasaan yang sedih atau menangis tetapi air mata seseorang tidak selalunya asli kerana ada juga sesetengah manusia yang berpura-pura menangis hanya untuk meraih simpati seseorang. Individu tersebut sering dikaitkan kepada buaya (*magarmach*) oleh masyarakat Punjabi kerana sifat buaya itu sendiri yang memang mempunyai sifat menangis yang bukan asli dan juga haiwan yang licik dengan memperdayakan orang lain dengan pergerakannya. Buaya mempunyai sifat yang mementingkan diri dan hanya memikirkan keuntungannya sendiri. Jika diteliti dalam bidang zoologi, ada juga buaya yang dijinakkan tetapi seseorang itu masih harus berhati-hati jika mendekati haiwan yang buas itu. Seperti yang berlaku di sebuah zoo di Ko Samui, Thailand, seorang penjinak buaya hampir maut dibaham buaya ketika membuat pertunjukan ‘berani

mati' dengan memasukkan kepalanya ke dalam mulut reptilia itu dan buaya itu tiba-tiba 'membaham' kepalanya sebelum menghayunkannya ke kiri dan kanan (Sayang Sabah, 2017). Walaupun sudah menjadi kebiasaan dalam menjaga buaya tersebut, namun buaya itu tidak melepaskan peluang untuk membaham penjinak tersebut. Begitu juga jika dikaitkan dengan kiasan ini, seseorang itu yang cuba berkawan atau lebih tepat meraih simpati dengan tangisan palsu untuk mencapai motif utamanya. Disamping itu, jika dikaitkan dengan masyarakat Melayu yang juga menganggap buaya sebagai binatang yang mempunyai ciri yang negatif seperti dalam kiasan buaya darat yang bermaksud orang lelaki yang suka mempermainkan perempuan. Dalam kiasan ini mempermainkan juga merupakan satu helah yang berpura-pura bagi mendapatkan sesuatu yang menguntungkan mereka. Bukan itu sahaja, malah dalam masyarakat Melayu juga kiasan seperti air mata buaya sering diungkapkan dalam sastera Melayu yang juga membawa kepada maksud yang sama iaitu berpura-pura menangis untuk meraih simpati orang lain. Oleh itu sastera Melayu dalam bahasa kiasan ini juga diungkapkan untuk menyindir dengan hasrat menyampaikan mesej tanpa menyinggung perasaan orang lain, seperti masyarakat Melayu begitu juga masyarakat Punjabi. Di samping itu, hanya orang tua sahaja yang sering menggunakan kiasan tersebut kerana kiasan ini dicipta oleh masyarakat Punjabi yang dulu yang mempunyai kaitan dengan budaya serta akal budi Punjabi, bagi menyindir mereka yang penuh dengan sifat kepuraan bagi mendapatkan simpati yang lain.

3.4 Kesimpulan

Sudah terang lagi bersuluh, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif bagi mendapatkan semua data berkaitan dengan kiasan yang mempunyai unsur haiwan. Hal ini demikian kerana, penyelidik dapat mengkaji makna implisit bagi setiap kiasan tersebut yang menggunakan unsur haiwan secara menyeluruh. Kerangka semantik inkuisitif yang dipraktikkan dalam kajian ini membantu pengkaji untuk menghuraikan data dengan lebih teliti. Contoh analisis juga dilaksanakan bagi memperjelaskan lagi penggunaan kerangka semantik inkuisitif dalam kajian bahasa kiasan Punjabi. Melalui kaedah seperti ini pengkaji mampu mengkaji data yang dimiliki dengan sepenuhnya. Kajian ini juga dapat membantu penyelidik-penyelidik lain yang ingin mengkaji bidang semantik inkuisitif terutamanya yang menggunakan data kiasan, sekali gus menjadi satu dokumentasi yang mempunyai nilai yang tinggi dari segi akal budi dan budaya bagi sesuatu masyarakat. Pemilihan kaedah ini memudahkan pengkaji menghasilkan satu kajian yang tersusun serta memberi hasil yang sempurna mengikut strategi yang diinginkan.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 PENGENALAN

Dalam bab ini, pengkaji menjalankan analisis kajian berkaitan dengan semantik inkuisitif. Menurut Cresswell (2010), dapatan kajian bermaksud “satu laporan kajian yang melaporkan berkaitan penyiasatan atau penerokaan masalah, mengenalpasti soalan yang dikenalpasti, dan mengandungi data yang dikumpul, serta analisis perkara yang ditafsir oleh penyelidik.” Dapatan kajian akan membincangkan hasil dapatan pengkaji yang dianalisis atau dikumpul sepanjang kajian pengkaji. Dalam kajian ini pengkaji telah mengenal pasti dan menyenaraikan 25 bahasa kiasan dalam bahasa Punjabi yang mengandungi unsur haiwan. Kemudian, pengkaji menganalisis bahasa kiasan Punjabi yang mempunyai unsur haiwan dengan pendekatan semantik melalui tahap semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif. Akhirnya sekali, pengkaji menghubungkan makna bahasa kiasan Punjabi yang mengandungi unsur haiwan dengan pemikiran dan falsafah masyarakat Punjabi. Dengan menggunakan kerangka teori yang sedia ada iaitu semantik inkuisitif, pengkaji menghuraikan data serta memperkembangkan lagi dapatan dengan mengekalkan metodologi kajian. Oleh itu, setiap analisis diuraikan dengan dengan peringkat semantik yang tertentu.

4.1 Hasil Dapatan

Jadual 4.1.1

Data 1

Kiasan Punjabi	meri	billi	menu	meow
Terjemahan langsung	Kepunyaan saya	kucing	saya	mengeow

Terjemahan gramatis : **Kucing** saya mengeow saya.

Makna : seseorang mengajar balik apa yang diajar oleh individu yang telah mengajar seseorang itu.

Semantik Skrip

Dalam kiasan *Meri billi menu meow* membawa maksud bahawa individu X telah banyak memberi ilmu atau membantu individu Y, kemudian individu Y pula yang mempergunakan segala ilmu itu terhadap individu X. Ilmu dalam kiasan ini bersifat luas. Ilmu ini bukan sekadar pengetahuan tetapi juga termasuk nasihat atau pengalaman yang dilalui oleh seseorang individu.

Semantik Resonans

Mengapa haiwan kucing (*billi*) yang digunakan? Secara biologinya, seekor kucing mempunyai penglihatan serta pendengaran yang sangat tajam jika ingin dibandingkan dengan haiwan lain terutamanya anjing (Cacang Effendi & N.S. Budiana, 2004). Dengan penglihatan yang tajam seekor kucing boleh melihat sesuatu tindakan mahupun sesuatu perlakuan dan dapat menangkap maksudnya dengan cekap. Selain itu, bersama-sama penglihatan, pendengaran seekor kucing yang tajam juga membantu kucing untuk memahami sesuatu yang diajar. Dengan kombinasi pendengaran dan penglihatan yang mantap, seekor kucing boleh mengadaptasi atau menghadam sesuatu maksud atau ilmu yang ingin disampaikan oleh

sesiapa. Sifat kucing yang sangat menyenangkan juga mudah untuk mengajar mereka serta sifat mereka yang sangat tenang memudahkan seseorang untuk mendekati kucing. Namun, disebalik sifat-sifat positif seekor kucing terselit juga sifatnya yang negatif iaitu seekor kucing mempunyai sifat yang agak memilih. Jika seekor kucing mudah bergaul dengan mesra, ia boleh menjadi sahabat manusia tetapi jika berlaku disebaliknya, ia akan menimbulkan masalah (Cacang Effendi & N.S. Budiana, 2004). Sifat ini dapat dikaitkan dengan kiasan tersebut, dengan penglihatan dan pendengaran yang tajam seekor kucing boleh belajar dengan pantas tetapi jika kucing itu mengalami kesukaran untuk bergaul, kucing itu juga boleh bertindak negatif dengan menggunakan apa yang dipelajari.

Semantik Inkuisitif

Melihat kepada akal budi dan falsafah dalam masyarakat Punjabi, menurut informan (Satwan Kaur, komunikasi lisan, November 3, 2017), kucing merupakan seekor binatang yang bijak kerana kucing mengajar singa segala ilmu yang harus ada pada seekor kucing. Jadi, kucing mengajar singa cara memburu, mengejar mahupun cara menyerang. Selepas mendapat segala ilmu tersebut, singa mula menunjuk belangnya dan cuba menyerang kucing itu. Namun, kucing bertindak bijak dengan memanjat pokok. Singa terpinga-pinga dan bertanya kepada si kucing mengapa tidak mengajarnya memanjat pokok. Jawab si kucing, kerana kalau jika diajarnya segala ilmu, singa pula akan menelannya. Oleh itu, kucing hanya mengajar beberapa perkara kerana tidak mahu apa yang diajarnya memakan dirinya balik satu hari nanti. Melalui cerita rakyat yang wujud dalam masyarakat Punjabi, kiasan *meri billi menu meow* digunakan oleh masyarakat Punjabi dalam menyindir sesiapa sahaja yang cuba melawan pengajarnya dengan niat yang kurang baik.

Jadual 4.1.2

Data 2							
Kiasan Punjabi	kuttey	dhi	pooch	kadhe	sidhi	nayi	hondhi
Terjemahan langsung	anjing	punya	ekor	tidak	lurus	akan	pernah
Terjemahan gramatis : ekor anjing tidak pernah akan lurus							
Makna : Seseorang yang jahat akan kekal jahat dan tidak akan insaf.							

Semantik Skrip

Kiasan ini menghasilkan makna harfiah, seekor anjing (kutta) akan sentiasa mengekalkan sifatnya sama ada yang positif atau negatif kerana anjing sering kali diberi gelaran seekor haiwan yang setia. Kesetiaan dapat dilihat apabila anjing patuh dengan arahan tuannya dan menjaga keselamatan tuannya. Anjing juga mudah mengenali insan yang baik dan jahat melalui derianya, namun terdapat juga anjing liar yang boleh mengancamkan nyawa (Alexandra Horowitz, 2009).

Semantik Resonans

Dalam kiasan ini, pemikiran yang dapat dilihat ialah dengan sifat manusia yang kejam atau jahat dikaitkan dengan ekor anjing (kuttey dhi pooch) kerana ekor anjing tidak pernah lurus dan sentiasa bengkok atau serong. Begitu juga dengan sifat manusia yang melakukan perbuatan yang serong. Jika seseorang sudah terlibat dengan satu perbuatan jahat dan ia menjadi tabiat sehingga menyebabkan kesukaran untuk seseorang itu berubah. Jadi, dengan situasi ini, dapat dikaitkan dengan kiasan ini bahawa seorang insan yang mempunyai sifat yang buruk atau tabiat yang sukar untuk diubah, sering dikaitkan dengan ekor anjing yang juga tidak pernah menjadi lurus.

Semantik Inkuisitif

Mengapa anjing pula yang dikaitkan? Bukan semua anjing baik dan sentiasa menjaga tuannya, malah terdapat juga anjing yang mempunyai sifat yang ganas dan boleh menyerang manusia. Oleh itu, dengan sifat anjing yang buas serta manusia yang mempunyai tabiat buruk yang tidak boleh berubah dapat dikaitkan dengan kiasan tersebut. Menurut informan (Gurbir Singh, komunikasi lisan, October 26, 2017), perkaitan tersebut dapat dihubungkan dalam sebuah cerita rakyat iaitu dengan ekor seekor anjing. Pada suatu ketika dahulu, seorang lelaki Sikh telah mengikat seruling di ekor anjing, dengan mengharap ekornya akan menjadi lurus. Dibiarkan seruling itu diikat agak lama pada ekor anjing, namun lepas tempoh masa yang lama dibiarkan, ekor anjing itu tetap serong dan tidak lurus. Walaupun dicuba perkara yang sama berulang kali, ekornya tetap tidak lurus dan disimpulkan sendiri bahawa ekornya memang degil serta falsafah orang zaman dahulu yang unik iaitu dikaitkannya dengan sifat manusia yang negatif. Oleh itu, kiasan seperti *kuttey dhi pooch kadhe sidhi nayi hondhi* menyamai individu yang tidak mengubah sikapnya yang negatif.

Jadual 4.1.3

Data 3									
Kiasan Punjabi	Gha	da	ghou	cheriya	chitte	tere	mu	tey	pyengey
Terjemahan langsung	lembu	punya	tahi	kacau	tempias	kamu	muka	pada	kena
Terjemahan gramatis : mengacau tahi lembu akan terpericik ke muka sendiri Makna : Kalau seseorang membalas balik kejahatan pada orang yang memang sudah bermasalah, kita juga yang akan menimpa padah									

Semantik Skrip

Makna bagi kiasan *Gha da ghou cheriya chitte tere mu tey pyangey* ialah jika seseorang itu mengacau tahi lembu itu, kita juga yang akan menjadi kotor. Ingin ditegaskan disini ialah, jika seseorang berbuat jahat kepada kita, jangan kita membalasnya dengan perbuatan yang jahat juga kerana diri kita sendiri akan menerima padah.

Semantik Resonans

Jika difikir secara kognitifnya, padah yang diterima dapat dikaitkan dengan kiasan tersebut ialah tahi lembu kerana tahi itu sendiri merupakan sesuatu yang kotor dan busuk serta kiasan ini dipautkan dengan insan yang buat perkara jahat. Apabila seseorang terkena tempias tahi itu, individu tersebut akan diselubungi kekotoran. Jadi, pemikiran masyarakat Sikh yang ingin disampaikan dalam kiasan ini ialah tahi lembu itu umpama manusia yang bertindak jahat, namun jangan kita menyentuh tahi tersebut iaitu membalas dengan perbuatan yang sama, kerana kita juga yang akan mendapat tempiasnya.

Semantik Inkuisitif

Mengapa tahi lembu yang digunakan oleh masyarakat Punjabi? Hal ini demikian kerana, masyarakat Punjabi di India, banyak membela lembu bagi sumber pendapatan mereka. Lembu digunakan untuk aktiviti pertanian dan juga susu lembu amat penting dalam kehidupan masyarakat Sikh (Sarjit Singh, 1999). Hampir setiap upacara keagamaan yang dibuat menggunakan susu lembu iaitu pemberian *Karha Prasaad* (manisan yang dibuat daripada susu lembu). Menurut informan (Satwan Kaur, komunikasi lisan, November 3, 2017), masyarakat Punjabi dahulu menggunakan tahi lembu (*thappi*) sebagai bahan api kerana tiada arang digunakan. Proses *thappi* itu bermula dengan mengumpul tahi lembu itu secara bulat seperti batu, kemudian dikeringkan bawah matahari terik agar menjadi keras. Pengumpulan tahi itu dibuat dengan tangan iaitu mengambil tahi itu dan membuatnya dalam bentuk bulat yang besar. Semasa membuat itu, tahi boleh terpercik di muka atau badan jika tidak dilakukan dengan berhati-hati. Begitu juga dengan kiasan itu, iaitu jika kita membalas perbuatan yang jahat terhadap orang yang sudah bermasalah, kita sendiri akan ditimpa padah. Oleh itu, masyarakat Punjabi menggunakan kiasan *gha dha ghou cheriya chitte tere mu tey pyangey* kerana penggunaan tahi lembu memberi cahaya di rumah sebagai bahan api, tetapi jika cara penggunaan tahi itu tidak betul dan menyebabkan kekotoran, maka tiada cahaya yang dapat dihasilkan. Sejurus kepada sikap manusia, jika dibalas perbuatan jahat kepada insan yang sudah bermasalah, kita juga yang akan ditimpa malang.

Jadual 4.1.4

Data 4					
Kiasan Punjabi	kattey	wargu	na	ringi	ja
Terjemahan langsung	Anak kerbau	macam	jangan	bising	terus
Terjemahan gramatis : bising macam anak kerbau					
Makna : Seseorang yang membuat bising dengan sengaja.					

Semantik Skrip

Makna harfiah dalam kiasan ini ialah seseorang yang mengujarkan sesuatu yang tiada pucuk pangkalnya. Seseorang yang hanya membuat bising tanpa matlamat yang berfaedah. Kiasan ini menggunakan binatang anak kerbau (*kattey*) kerana anak kerbau sering mengeluarkan bunyi yang menjengkelkan.

Semantik Resonans

Jika difikirkan secara logiknya, bunyi yang dikeluarkan oleh seekor anak kerbau sangat kuat dan bingit sejurus itu, muncul kiasan seperti *kattey wargu na ringi ja*. Perkataan *ringi* ialah bunyi yang dihasilkan oleh anak kerbau itu sendiri. Jika dihubungkan dengan ciri fizikalnya, anak kerbau mempunyai ciri yang suka membuat bising tanpa alasan atau tujuan (John E. Foster, Dick Harrison & I.S Mac Laren, 1992).

Semantik Inkuisitif

Menurut informan (Amarjit Kaur, Komunikasi lisan, Oktober 16, 2017), kiasan ini berkait rapat dengan bayi yang sering menangis. Apabila menyebut tentang bayi, tahap komunikasi atau lebih mudah percakapan bayi mempunyai dua tahap sebelum mula mengeluarkan perkataan yang penuh. Menurut Noor Aina Dani (2017), tahap pertama ialah bunyi *cooing* .

Bunyi ini dihasilkan melalui alat artikulasi bibir yang menghasilkan bunyi letupan bibir seperti “mmm” dan “bbb”. Kemudian, tahap kedua ialah bunyi *babbling* yang mengandungi suku kata seperti ma, pa dan da. Tambah informan, kedua-dua tahap ini sering diklasifikasikan sebagai bunyi bising yang sering dikeluarkan oleh bayi kerana tiada maksud yang mampu difaham melalui *cooing* dan *babbling*. Oleh itu, berbalik kepada kiasan di atas, anak kerbau juga sering mengeluarkan bunyi bising ketika lapar begitu juga dengan bayi, justeru, masyarakat Punjabi menyamai bunyi bising bayi atau sesiapa sahaja yang membuat bising dengan seekor anak kerbau.

Jadual 4.1.5

Data 5					
Kiasan Punjabi	Avdha	ghora	na	pajayi	ja
Terjemahan langsung	kamu	kuda	jangan	laju	terus
Terjemahan gramatis : Jangan menunggang kuda kamu dengan laju Makna : Seseorang yang bercakap tanpa fakta yang sah (melibatkan unsur dongeng)					

Semantik Skrip

Avdha ghora na pajayi ja membawa makna, seseorang yang menuturkan sesuatu tanpa fakta mahupun hanya menipu dan mereka cerita. Istilah kuda (*ghora*) dan laju (*pajayi*) digunakan kerana seekor kuda berlari dengan laju dan begitu juga, apabila seseorang mengungkapkan sesuatu pertuturan ia diungkapkan dengan begitu pantas tetapi tidak menepati perkara yang sebenar.

Semantik Resonans

Tidak dapat disangkal secara fizikalnya, seekor kuda ialah binatang yang kuat dan pantas. Pada zaman dahulu, tenaga kuda sangat dibutuhkan oleh perajurit sewaktu berperang kerana zaman dahulu kuda merupakan satu-satunya pengangkutan yang laju dan boleh sampai ke lokasi berperang dengan pantas. Ketiadaan tulang selangka yang menyebabkan kuda berlari dengan pantas dan lebih lebar. (Ciri Kuda, 2003). Kuda sehingga sekarang digunakan di ajang balapan, iaitu kuda berlari tanpa henti dan tanpa halangan. Kelajuan kuda terserlah di ajang balapan tersebut. Begitu juga jika dikaitkan dengan lidah manusia yang mudah mengeluarkan kata-kata tanpa berfikir. Apa sahaja yang diungkapkan tidak boleh ditelan semula kerana percakapan manusia laju seperti larian seekor kuda.

Semantik Inkuisitif

Menurut (Amarjit Kaur, komunikasi lisan, Oktober 16, 2017), masyarakat Punjabi mempunyai hubungan yang rapat dengan kuda. Hubungan ini terserlah dalam peperangan semasa pada zaman Guru Gobind Singh. Pakatan Mughal menentang beliau dan ingin menguasai tanah yang dimiliki oleh Guru Gobind Singh. Dalam penghijrahan penduduk kampung serta dalam peperangan hanya kuda yang digunakan sebagai pengangkutan. Kuda hanya mengikut rentak individu yang menanganinya. Dapat dilihat disitu bahawa kuda hanya mengikut tanpa mengetahui jalan yang dilalui itu membahayakan atau tidak, malah penyataan ini menjurus kepada ungkapan fakta yang tidak kukuh apabila seseorang mengungkapkan sesuatu yang tidak sah. Guru Gobind Singh juga merupakan satu-satunya guru yang mempunyai kuda baka 'Blue Roan'. Pada zaman dahulu, kuda Guru Gobind Singh digelar sebagai "*Neela Ghora*" kuda biru atau "*Neelay ghoray they swaar*" penunggang si kuda biru. Guru Gobind Singh telah belajar seni tunggangan kuda dan dengan segala ilmu yang

dipelajari beliau mengarah warga Sikh untuk menyediakan senjata dan kuda demi masa hadapan sebagai langkah keselamatan. Ungkapan langkah keselamatan itu membuktikan bahawa seekor kuda boleh digunakan pada saat-saat genting kerana kuda salah satu binatang yang laju. Jadi, akal budi masyarakat Sikh tentang kiasan *avdha ghora na pajayi ja* dapat dilihat sejak zaman Guru Gobind Singh lagi, kerana ungkapan manusia serta kelajuan seekor kuda tidak dapat dipisahkan.

Jadual 4.1.6

Data 6							
Kiasan punjabi	sau	choohe	khake	billi	hajj	nu	challi
Terjemahan langsung	seratus	tikus	makan	kucing	ibadat	itu	pergi
Terjemahan gramatis : makan seratus tikus , kucing menjalani ibadat Makna : Seseorang yang sentiasa melakukan kejahatan kemudian berlagak seperti orang yang sangat suci							

Semantik Skrip

Maksud kiasan *sau choohe khake billi hajj nu challi* membawa ialah seseorang yang berpura-pura berkelakuan baik, walaupun telah melakukan sesuatu yang jahat. Pernyataan ini juga boleh membawa maksud seseorang yang mempunyai sikap talam dua muka,

Semantik Resonans

Dunia yang mengalami anjakan paradigma kini hanya mementingkan diri sendiri dan mengejar impian tanpa melihat situasi sekeliling. Ada yang mengambil langkah positif namun, ada sesetengah yang menggunakan lingkaran negatif untuk mencapai keuntungan sendiri. Kemudian, dengan bangganya membantu yang lain dengan hasilnya yang didapati

dengan laluan yang songsang. Menurut (Amarjit Kaur, komunikasi lisan, Oktober 16, 2017), masyarakat Punjabi di India menganggap kucing sebagai binatang yang tidak baik. Hal ini demikian kerana, mereka percaya kucing hanya melakukan sesuatu demi keuntungannya, seperti yang diberitahu oleh informan, tikus sentiasa merosakkan harta benda dirumah dan sukar untuk membunuh tikus atau menghalang tikus daripada berbuat demikian. Jadi, kucing sentiasa menyelamatkan keadaan, tetapi selepas menerkam mangsanya tikus, kucing bertindak seperti lembut, baik dan bersikap tenang. Ia menimbulkan sifat seolah-olah kucing sangat baik. Oleh itu, masyarakat Punjabi membuat rantai antara kucing dengan sifat manusia yang berlagak baik selepas melakukan perbuatan yang jahat.

Semantik Inkuisitif

Begitu juga dengan kiasan diatas, seekor kucing sememangnya mempunyai permusuhan dengan tikus. Tikus sentiasa menjadi mangsa kepada kucing walaupun tikus tidak pernah mengganggu si kucing. Seperti yang dinyatakan dalam Data 1, kucing mempunyai pendengaran serta penglihatan yang tajam dan penglihatan yang tajam itu membantu kucing menangkap mangsanya. Tikus pula merupakan seekor binatang yang kecil dan berbulu halus. Tikus sering membina sarang yang dianggap aman seperti di bawah tanah, rumah atau atap bangunan. Kurang daripada 100 tahun yang lalu, sebahagian besar kucing domestik hidup di luar rumah dan mereka merupakan golongan kucing yang handal memburu. *African Wildcats* merupakan kucing yang memburu binatang seperti burung, reptilia kecil, serangga dan sebahagian besarnya tikus. Kucing diajar memburu sejak mereka lahir lagi iaitu diajar oleh ibunya. Anak kucing sering menerkam apa sahaja yang terdapat di hadapan mereka. kucing akan memburu dengan diam, mendekati mangsanya dengan sangat perlahan, merangkak maju di perut sampai mereka menerkam. Segala perilaku itu dilakukan dengan sangat berhati-hati agar tidak diketahui oleh mangsa. Berburu adalah naluri kelangsungan dalam hidup seekor

kucing (Vetstreet, n.d.). Masyarakat Punjabi dahulu, membela kucing untuk membunuh tikus-tikus di rumah kerana tikus sering merosakkan harta benda yang terdapat di dalam rumah. Namun, dengan sikap kucing yang sentiasa kelihatan tenang dan baik, masyarakat Punjabi mempunyai falsafah yang menyebabkan muncul kiasan *sau choohe khake billi hajj nu challi*.

Jadual 4.1.7

Data 7				
Kiasan punjabi	putiya	pahaad	niklya	chooha
Terjemahan langsung	gali	bukit	keluar	tikus
Terjemahan gramatis : bukit yang digali akhirnya keluar tikus sahaja. Makna : Seseorang yang bersikap tamak yang ingin mengaut keuntungan akhirnya tidak mencapai apa-apa.				

Semantik Skrip

Putiya pahaad niklya chooha bermakna seseorang yang ingin mengaut keuntungan akhirnya tidak mendapat apa-apa hasil. Perkataan *putiya pahaad* membawa maksud menggali bukit yang menjurus kepada keuntungan.

Semantik Resonans

Secara logiknya, bukit seringkali dilihat sebagai satu ciptaan Tuhan yang tinggi dan cantik serta tidak mudah mencapai ke puncaknya. Jika dikaitkan dengan masyarakat zaman dahulu, penempatan mereka ialah di kawasan berbukit-bakau atau berhampiran hutan dan di pesisir sungai. Tempat penempatan yang strategik adalah kerana mudah bagi mereka untuk menyara keluarga serta mudah mendapat sumber makanan dan minuman. Disitu juga terdapat peninggalan barang atau artifak masyarakat zaman dahulu yang mana ahli arkeologi telah menggali serta membuktikan peninggalan orang pada zaman-zaman dahulu.

Semantik Inkuisitif

Mengapa tikus dihubungkan dalam kiasan ini? Tikus merupakan seekor binatang yang kecil dari segi saiznya dan juga seekor binatang yang tidak memberi apa-apa faedah, malah hanya merosakkan harta benda. Menurut (Amarjit Kaur, komunikasi lisan, Oktober 16, 2017), terdapat satu cerita rakyat dalam masyarakat Sikh yang menggambarkan tikus ialah seekor binatang yang lemah dan kecil serta tidak mampu melawan dengan mudah. Terdapat sebuah cerita rakyat yang mengisahkan, pada suatu hari, si tikus berjumpa dengan pari-pari dan meluahkan perasaannya yang sentiasa dipandang rendah oleh binatang lain. Jadi, pari-pari juga bertanya bagaimana caranya untuk menolong si tikus. Si tikus membalas, “Jadikan saya matahari, agar tiada apa yang boleh menandingi cahaya saya”. Pari-pari pula menjawab yang matahari boleh ditutup dengan awan. Kemudian si tikus meminta lagi untuk jadikannya awan dan jawab si pari-pari, awan boleh ditiup angin. Sekali lagi, si tikus berkata, jadikannya angin agar tiada apa yang menghalangnya. Jawab si pari-pari, angin boleh dihalang dengan bukit. Si tikus terdiam dan berasa keliru dengan permintaannya. Dengan memahami riak muka si tikus, pari-pari mula berkata “Kamu tidak perlu mengubah diri untuk menjadi sesuatu yang berkuasa kerana kamu sendiri mampu mengubah bukit itu sendiri. Kamu seekor tikus dan kamu boleh menggali bukit itu untuk mendapatkan tempat tinggal atau apa sahaja yang kamu inginkan.” Si tikus mula berasa gembira dan menerima kekurangan serta kelebihan sebagai seekor tikus. Mengimbas kembali kiasan tersebut, menggali bukit serta mengambil artifak yang seharusnya menjadi sejarah negara menggambarkan sifat tamak seseorang untuk mengaut keuntungan tetapi benda yang diambil dengan sikap tamak tidak akan kekal selamanya dan akhirnya kita tidak akan mencapai apa-apa. Oleh itu, masyarakat Sikh memberi perumpamaan sebagai menggali bukit akhirnya keluar tikus, iaitu seseorang tidak akan mendapat keuntungan jika memiliki sifat tamak yang menggunung.

Jadual 4.1.8

Data 8							
Kiasan Punjabi	jithon	de	khote	othay	hee	aan	khalotee
Terjemahan langsung	dari	mana	keldai	dari	situ	sahaja	berdiri
Terjemahan gramatis : dari mana datangnya keldai itu, ia masih berdiri di situ Makna : Menasihati seseorang yang tidak ingin memahami apa yang sedang diberitahu.							

Semantik Skrip

Makna harfiah bagi kiasan ini ialah memujuk seseorang yang tidak mahu mendengar kata, dengan kata lain boleh juga digelar seseorang yang degil. Setiap individu mempunyai sifat serta fiturnya yang tersendiri yang mana bukan mudah untuk seseorang itu berubah atau mendengar kata nasihat seseorang.

Semantik Resonans

Begitu juga dengan kiasan ini, yang berbunyi seperti keldai itu tidak bergerak dari kedudukan asalnya. Kiasan ini menggunakan haiwan keldai (khote) kerana hampir semua ras atau kaum menganggap keldai sebagai seekor binatang yang lembap dan diberi simbol kebodohan. Pada zaman dahulu, keldai digunakan sebagai pengangkutan, iaitu mengangkat beban dari satu tempat ke tempat yang lain. Keldai hanya mengikut perintah manusia, jika disuruh berjalan ia akan bergerak dan sebaliknya. Namun, keldai juga mempunyai sifat degilnya, iaitu adakala keldai tidak berbuat seperti yang disuruh dan oleh sebab itu, manusia sering menggelar keldai sebagai seekor binatang yang kurang bijak.

Semantik Inkuisitif

Hakikatnya, keldai merupakan seekor binatang yang sangat bijak dan dibuktikan oleh Punch Shaw (2018), yang menyatakan seseorang tidak boleh memaksa keldai untuk membuat sesuatu. Kita perlu meyakinkan keldai serta mewujudkan kepercayaan bahawa tiada rintangan untuk membuat sesuatu perkara. Ditambah beliau lagi, keldai bukan menyusahkan tetapi mereka hanya bijak dalam mengetahui bahawa perkara tersebut baik ataupun tidak untuk dilakukan. Malangnya, sifat seekor keldai yang sebenarnya bijak dikatakan degil dan kurang bijak oleh beberapa masyarakat, justeru masyarakat Sikh juga berpendapat demikian. Menurut (Satwan Kaur, komunikasi lisan, November 3, 2017), masyarakat Sikh menganggap keldai sebagai binatang yang degil dan kurang bijak. Hal ini demikian kerana dalam masyarakat Sikh keldai tidak pernah ditandingi dengan kuda, malah keldai digunakan sebagai pengangkutan mengangkat beban, manakal kuda digunakan sebagai pengangkutan manusia untuk ke sesuatu tempat atau digunakan dalam peperangan. Dalam situasi itu, terserlah perbezaan dari segi fizikal dan kepantasan binatang tersebut kerana seekor keldai tidak mampu lari selaju seekor kuda dan ia menyukarkan seseorang untuk menggerakkan keldai. Oleh itu, masyarakat Punjabi menganggap seseorang sebagai keldai yang tidak ingin memahami apa yang sedang diperkatakan serta tidak ingin berkembang seperti kiasan di atas.

Jadual 4.1.9

Data 9				
Kiasan punjabi	bander	wargu	tappi	jandha
Terjemahan langsung	monyet	macam	lompat	sedang
Terjemahan gramatis : melompat macam monyet Makna : Berkelakuan tidak sopan di khalayak ramai				

Semantik Skrip

Makna yang menjelaskan kiasan *bander wargu tappi jandha* ialah seseorang yang berkelakuan tidak sopan di khalayak ramai. Kiasan ini menggunakan binatang monyet (*bander*) kerana monyet merupakan seekor binatang tidak boleh duduk di sesuatu tempat agak lama.

Semantik Resonans

Secara logiknya, perbuatan melompat (*tappi*) ialah kelakuan mengangkat kedua-dua kaki dan melonjat ke udara dan kelakuan seperti ini sering dilakukan oleh kanak-kanak ketika bermain. Menurut (Amarjit Kaur, komunikasi lisan, Oktober 16, 2017), masyarakat Punjabi mengaitkan situasi tersebut dengan monyet kerana masyarakat dahulu yang tinggal di persisiran pantai membela monyet untuk sumber rezeki mereka. Monyet akan membantu memanjat pokok kelapa untuk memetik buah kelapa, dan tuannya akan menjual kelapa tersebut untuk mendapatkan rezeki. Jadi, apabila memelihara seekor monyet, mereka arif dengan kelakuan seekor monyet serta kepintarannya dalam memahami situasi disekeliling.

Semantik Inkuisitif

Kelakuan fizikal monyet terserlah dengan bahasa badannya tersendiri, iaitu memberi renungan ialah tanda ancaman manakala mengetap dan menunjuk gigi menandakan pencerobohan. Monyet juga mempunyai cara komunikasinya yang tersendiri iaitu terdapat empat jenis panggilan penggera. Menurut Strusaker (1967), panggilan *chutter* menandakan keberadaan ular berdekatan dan monyet akan berdiri atas kaki belakang serta melihat kawasan sekeliling. Panggilan *rraup* memberi amaran tentang kehadiran helang dan menyebabkan monyet menyorok dalam semak. Panggilan *chirp* memberi amaran tentang kehadiran harimau dan singa, sejurus dengan itu monyet akan memanjat pokok. Panggilan *Uh!* Menandakan kehadiran puak Masai. Selain panggilan amaran, monyet juga terkenal dengan sikap menipu. Hal ini dibuktikan oleh Claire Throp (2012), dalam kajian beliau yang melihat seekor monyet menggali tanah untuk mencari makanan. Apabila digalinya, seekor monyet telah mengeluarkan bunyi yang menyebabkan monyet tersebut meninggalkan hasil galiannya dan pergi ke arah bunyi tersebut. Monyet lain telah ke galian tersebut dan mencuri makanan disitu. Melalui sikap monyet ini terserlah monyet sangat nakal dan bijak dalam mendapatkan apa yang diingini. Monyet juga mempunyai masa bermainnya dan mereka sangat mahir dengan berayun dari pokok ke pokok dengan laju. Oleh itu, falsafah orang Sikh dapat dihubungkan dengan kiasan ini apabila melihat gelagat seekor monyet serta menyamai gelagat kanak-kanak yang suka melompat-lompat.

Jadual 4.1.10

Data 10				
Kiasan punjabi	billi	the	gal	talli
Terjemahan langsung	kucing	pada	leher	loceng
Terjemahan gramatis : loceng di leher kucing				
Makna : seseorang yang merendahkan individu lain demi keuntungan sendiri.				

Semantik Skrip

Makna harfiah kiasan ini ialah seseorang yang merendahkan individu lain demi keuntungan sendiri. Keuntungan yang dimaksudkan ialah apa sahaja yang memberi faedah kepada diri sendiri sama ada dari segi fizikal atau mental.

Semantik Resonans

Dalam kiasan ini loceng di leher (*gal the talli*) merujuk kepada menundukkan seseorang. Loceng selalu diikat di leher seekor binatang untuk menunjukkan bahawa binatang itu mempunyai pemilik. Apabila ia mempunyai tuan, binatang itu seolah-olah menjadi hamba kepada pemilik itu. Mengapa hamba? Hal ini demikian kerana pada zaman dahulu, semua binatang yang terlibat dalam aktiviti pertanian atau sebagai pengangkutan, dipakaikan loceng di lehernya. Lembu, kerbau, keldai dan juga binatang peliharaan seperti anjing, diikatkan loceng agar dapat mengetahui kewujudan binatang tersebut serta individu lain akan tahu bahawa binatang tersebut mempunyai tuannya yang tersendiri.

Semantik Inkuisitif

Mengapa kucing (*billi*) digunakan dalam kiasan di atas? Kucing merupakan seekor binatang yang tajam penglihatan serta pendengaran dan mampu memahami apa yang berlaku di

sekelilingnya. Melalui pendengaran dan penglihatan yang tajam, seekor kucing mampu mempelajari sesuatu ilmu dengan mudah. Namun, disebalik sifat-sifat positif seekor kucing terselit juga sifatnya yang negatif iaitu seekor kucing mempunyai sifat yang agak memilih. Jika seekor kucing mudah bergaul dengan mesra, ia boleh menjadi sahabat manusia tetapi jika berlaku sebaliknya, ia akan menimbulkan masalah (Cacang Effendi & N.S. Budiana, 2004). Masalah tersebut yang mempunyai hubungan dengan kiasan ini, iaitu menurut informan (Gurbir Singh, komunikasi lisan, Oktober 26, 2017), kucing merupakan seekor binatang yang tidak disukai oleh masyarakat Punjabi kerana mereka beranggapan kucing seekor binatang yang mementingkan diri. Walau bagaimanapun, di pedalaman perkampungan, penduduk tertekan dengan kehadiran tikus yang memusnahkan harta benda serta hasil penanaman mereka. Jadi, mereka membiarkan sahaja kucing untuk membunuh tikus tersebut. Situasi ini berkait rapat dengan cerita rakyat yang terdapat dalam masyarakat Punjabi. Tambah beliau lagi, cerita yang menyebabkan muncul kiasan di atas ialah melalui cerita tentang seekor kucing dan tikus yang saling membenci antara satu sama lain. Pada suatu hari, tikus tekad untuk menjatuhkan si kucing kerana tidak dapat menanggung kezaliman si kucing. Jadi, si tikus merancang perangkap untuk mengikat tali di leher kucing agar dengan loceng tersebut, tikus akan sentiasa mengetahui kedatangan kucing serta mampu menyelamatkan diri setiap masa. Jadi, dalam perbalahan si kucing dan tikus, akhirnya tikus berjaya menundukkan kucing dan memasang tali loceng di lehernya. Oleh itu, akal budi yang disampaikan oleh orang Punjabi ialah walaupun kita mempunyai permusuhan tetapi sebaiknya menyelesaikan dengan cara baik bukan dengan menundukkan seseorang demi kepentingan sendiri seperti dalam kiasan *billi the gal talli*.

Jadual 4.1.11

Data 11			
Kiasan punjabi	khotey	da	putar
Terjemahan langsung	keldai	punya	anak
Terjemahan gramatis : anak keldai			
Makna : Seseorang yang kurang pandai			

Semantik Skrip

Makna harfiah yang disampaikan dalam kiasan diatas ialah seseorang yang kurang pandai.

Khotey da putar yang bermaksud anak keldai, menjurus kepada anak yang tidak bijak.

Semantik Resonans

Dalam pelbagai masyarakat, keldai sentiasa dianggap seekor binatang yang kurang pandai. Keldai sentiasa mendapat perspektif yang negatif daripada masyarakat setempat. Namun begitu, keldai sebenarnya merupakan seekor binatang yang sangat bijak. Seperti yang terbukti dalam data 8 oleh Punch Shaw (2018), yang menyatakan keldai tidak akan melakukan sesuatu perkara jika dirasanya tidak berguna. Jadi, seseorang tidak boleh memaksa seekor keldai untuk melakukan sesuatu. Pada zaman dahulu, keldai pernah dijadikan sebagai sumber pengangkutan. Selain itu, keldai juga digunakan untuk mengangkut barang-barang yang berat dari satu tempat ke tempat yang lain.

Semantik Inkuisitif

Mengapa keldai yang digunakan? Hal ini demikian kerana keldai juga merupakan seorang binatang yang hanya menurut perintah, tetapi jika muncul kedegilannya untuk tidak bergerak sukar juga untuk memujuk keldai tersebut. Kebijaksanaannya dalam memilih untuk

melakukan atau tidak sesuatu perkara itu dianggap degil dan kurang bijak oleh masyarakat setempat. Begitu juga dengan masyarakat Sikh yang menganggap keldai sebagai binatang yang kurang bijak. Terdapat sebuah cerita rakyat yang telah menyerlahkan ketidakbijaksanaan seekor keldai dalam sebuah kampung. Menurut Mohindar Singh (1999), cerita ini mengisahkan seekor keldai yang pertama kali menjejak di sebuah kampung dengan perasaan yang takut dan teragak-agak. Sambil keldai itu melangkah jauh ke dalam kampung pada malam yang gelap, penduduk kampung menjadi gelabah dan takut dengan melihat bayang-bayang seekor binatang. Sangkaan penduduk kampung ialah seekor harimau yang datang memburu. Ketakutan yang teramat menyebabkan penduduk kampung mengunci diri mereka di dalam rumah masing-masing. Melihat kepada reaksi penduduk kampung yang takut dengan keldai tersebut, keldai berasa sangat gembira dan dengan bangganya melangkah masuk untuk mencari makanan dan apa sahaja yang diinginkan. Dalam kegirangan keldai, ia telah mengeluarkan bunyinya dan penduduk kampung terkejut dengan bunyi yang didengar oleh mereka. Bunyi yang didengar itu sudah tentu bukan bunyi seekor harimau, dengan perasaan marah dan bersenjatakan kayu serta buluh penduduk kampung menyerang keldai tersebut. Akhirnya, keldai itu lari menyelamatkan diri ke dalam hutan. Melalui cerita ini, jelaslah bahawa keldai tidak fikir sebelum mengeluarkan bunyinya kerana ternyata bunyi seekor keldai dan harimau adalah jauh beza. Penduduk kampung yang mengetahui bahawa binatang itu adalah seekor keldai hilang segala ketakutan mereka. Kesilapan yang dilakukan oleh keldai itu menyebabkan ia dipukul oleh penduduk kampung. Oleh itu, kiasan *khotey da putar* digunakan oleh masyarakat Sikh kerana menurut mereka keldai merupakan seekor binatang yang kurang bijak serta menyamai dengan seseorang yang kurang bijak.

Jadual 4.1.12

Data 12				
Kiasan punjabi	sappe	wargu	fukhare	mardha
Terjemahan langsung	ular	macam	mendesis	pukul
Terjemahan gramatis : mendesis macam ular				
Makna : Menyatakan sesuatu dengan perkataan yang pedas sehingga menyinggung perasaan pendengar				

Semantik Skrip

Sappe wargu fukhare mardha membawa maksud seseorang yang menyatakan sesuatu yang menyinggung perasaan orang lain. *Fukhare* ialah bunyi mendesis yang dikeluarkan oleh seekor ular apabila ianya marah.

Semantik Resonans

Secara pemikiran kognitifnya, ular (*sappe*) sentiasa dikategorikan sebagai seekor haiwan yang sangat berbisa dan bahaya untuk didekati. Bisa seekor ular juga boleh membawa kematian, justeru apabila seekor ular mendesis racunnya boleh terkena dengan insan yang berdekatan. Ular boleh dibahagikan kepada pelbagai jenis dan spesies, begitu juga dengan tahap venom paling berbisa hingga yang kurang berbisa. Ular merupakan seekor binatang yang sangat berhati-hati dan ototnya yang kuat menyebabkan ular mampu menyusur dengan laju. Ciri-ciri ular yang berbisa serta mampu menelan seorang insan hidup-hidup, menyerlahkan sifat negatifnya (Harvey B. Lillywhite, 2014).

Semantik Inkuisitif

Menurut informan (Amarjit Kaur, komunikasi lisan, Oktober 16, 2017), cerita rakyat yang sangat terkenal dalam masyarakat orang Punjabi ialah *The Jungle Book*, yang mengisahkan kehidupan orang kampung di pedalaman India. Penulis cerita ini ialah Rudyard Kipling yang ditulis pada tahun (1894) dan dalam cerita ini Mowgli merupakan lelaki watak utama dalam cerita ini. Mowgli ditinggalkan di hutan yang tebal apabila dilahirkan, dan Bhageera seekor harimau kumbang telah memberi Mowgli kepada keluarga serigala untuk dijaga. Namun, sepanjang hidup Mowgli, nyawanya sentiasa dalam bahaya kerana diburu oleh si harimau iaitu Sher Khan. Terdapat juga seekor ular sawa yang bernama Kaa sentiasa mencari peluang untuk membunuh Mowgli, sehingga pada suatu hari Kaa memukau Mowgli dengan kata-kata pahitnya yang menyatakan Mowgli tidak layak duduk di hutan kerana membahayakan nyawa haiwan-haiwan lain seperti Baloo (beruang) dan Bhageera. Mowgli berasa sangat terkilan sehingga pergi mencari Sher Khan dan menyerah dirinya untuk Sher Khan membunuhnya. Berbalik kepada kiasan di atas, kata-kata Kaa tadi menyebabkan Mowgli menyerahkan nyawa kepada Sher Khan adalah tindakan yang salah. Oleh itu, cerita rakyat ini dikaitkan dengan kiasan *sappe wargu fukhare mardha* iaitu seekor ular yang berbisa dikaitkan dengan individu yang mengeluarkan kata-kata yang menyinggung perasaan pendengar.

Jadual 4.1.13

Data 13			
Kiasan punjabi	Cothe	wargu	khanda
Terjemahan langsung	kerbau	macam	makan
Terjemahan gramatis : makan macam kerbau			
Makna : Makan dengan gelojoh			

Semantik Skrip

Kiasan ini menyampaikan maksud tentang seseorang yang makan dengan sangat gelojoh. Makan merupakan perkara penting dalam hidup seseorang individu kerana dengan makan seseorang itu akan mendapat tenaga dan mampu melakukan sesuatu dengan bersemangat. Namun, perbuatan makan dengan gelojoh adalah tidak sopan sama sekali.

Semantik Resonans

Seseorang tidak boleh makan dengan sebarangan kerana diet yang seimbang serta kuantiti yang tepat harus dipertimbangkan agar badan kekal sihat dan dapat dihindari daripada penyakit. Menurut kamus dewan edisi keempat (2016), gelojoh membawa maksud suka makan banyak-banyak serta dengan gopoh dan kasar laku. Gelojoh dalam kiasan ini dikaitkan dengan kerbau (*chote*) kerana saiz kerbau yang besar dan gemuk menyebabkan masyarakat Punjabi memberi perumpamaan makan seperti kerbau.

Semantik Inkuisitif

Falsafah yang dapat dikaitkan dalam masyarakat Punjabi ialah menurut informan (Satwan Kaur, komunikasi lisan, November 3, 2017), pada zaman dahulu, masyarakat Punjabi menggunakan kerbau dalam aktiviti pertanian. Kerbau digunakan dalam pertanian untuk

menggembur tanah untuk bercucuk tanam. Hasil cucuk tanam tersebut yang menjadi sumber rezeki orang Sikh yang utama. Bagi menjalankan kerja pertanian setiap hari dengan kuat, kerbau tersebut diberi makan banyak agar mendapat tenaga yang secukupnya. Apabila diberi makan dengan banyak, kerbau tidak pernah menolak, sebaliknya terus makan sehingga habis. Jadi, peristiwa ini sering digunakan oleh masyarakat Punjabi untuk menegur seseorang yang makan dengan gelojoh iaitu menyamai individu tersebut dengan kerbau.

Jadual 4.1.14

Data 14					
Kiasan punjabi	magarmach	de	atharu	na	dekha
Terjemahan langsung	buaya	punya	tangisan	jangan	tunjuk
Terjemahan gramatis : jangan menangis macam buaya Makna : Seseorang yang berpura-pura menangis untuk mendapatkan simpati orang lain.					

Semantik Skrip

Makna harfiah bagi kiasan ini ialah buaya (*magarmach*) ialah seseorang yang berpura-pura menangis untuk mendapatkan simpati individu lain. Namun, tangisan yang dikeluarkan hanya palsu semata-mata dan terdapat agenda negatif di sebaliknya.

Semantik Resonans

Pemikiran masyarakat Sikh menurut informan (Satwan Kaur, komunikasi lisan, November 3, 2017), menyatakan bahawa buaya sering berpura-pura tidak bergerak ataupun berpura-pura mati untuk memperdayakan mangsa mereka. Melalui itu, buaya dapat menangkap mangsanya dengan mudah. Tambah beliau lagi, masyarakat Punjabi sering melihat buaya sebagai seekor binatang yang buas dan perlu sentiasa berhati-hati daripada terperangkap dengan tipu

helahnya kerana rupa fizikal seekor buaya yang mempunyai kulit yang keras dan menggerutu menampakkan cirinya yang ganas.

Semantik Inkuisitif

Mengapa buaya yang digunakan dalam kiasan ini? Hal ini demikian kerana buaya menangis ketika makan sebab ingin menunjukkan penyesalan palsu terhadap mangsa yang sudah semestinya menunjukkan satu sifat kepuraan (Shaner & Vliet, 2007). Penyesalan palsu dapat dilihat apabila air mata buaya menitis dan titisan air mata itu adalah kerana kelenjar air mata buaya akan mengeluarkan cecair untuk mengeluarkan kelebihan garam daripada buaya. Oleh hal yang demikian, “buaya yang menangis bukan kerana ia benar-benar sedih tetapi kerana sifat biologinya sebegitu” (Kumpulan info, n.d.). Nurhasma Muhamad Saad, Kartina Kamaruzaman dan Rosni Samah (n.d.), menyatakan pengarang cerita kanak-kanak seringkali mengadaptasi sifat-sifat manusia untuk disuntik ke dalam watak haiwan yang merupakan simbolik kepada sifat-sifat tertentu seperti buaya untuk sifat khianat dan dusta dalam cerita “Tangisan Buaya” (qissah dumuc al-tamasih). Selain itu, buaya ialah seekor binatang yang sangat licik dan mampu memperdayakan manusia dengan pergerakannya. Jadi, masyarakat Punjabi melihat bahawa buaya seekor haiwan yang bijak memperdayakan mangsanya dengan gerak lakunya seperti tidak hidup serta sifatnya yang ganas dan tidak menampakkan kelemahannya. Kelemahan yang dimaksudkan dalam kiasan ini ialah air mata (*atharu*). Air mata (*atharu*) merupakan cecair yang keluar dari mata mahupun dalam keadaan sedih dan gembira, malah juga apabila habuk atau sesuatu benda secara tidak sengaja masuk ke dalam mata. Namun, dalam kiasan ini air mata yang menjadi fokus ialah perasaan yang sedih atau menangis tetapi air mata seseorang tidak selalunya asli kerana ada juga sesetengah manusia yang berpura-pura menangis hanya untuk meraih simpati seseorang. Individu tersebut sering dikaitkan kepada buaya (*magarmach*) oleh masyarakat Punjabi kerana sifat buaya itu sendiri

yang memang mempunyai sifat menangis yang bukan asli dan juga haiwan yang licik dengan memperdayakan orang lain dengan pergerakannya. Buaya mempunyai sifat yang mementingkan diri dan hanya memikirkan keuntungannya sendiri. Jika diteliti dalam bidang zoologi, ada juga buaya yang dijinakkan tetapi seseorang itu masih harus berhati-hati jika mendekati haiwan yang buas itu. Seperti yang berlaku di sebuah zoo di Ko Samui, Thailand, seorang penjinak buaya hampir maut dibaham buaya ketika membuat pertunjukan ‘berani mati’ dengan memasukkan kepalanya ke dalam mulut reptilia itu dan buaya itu tiba-tiba ‘membaham’ kepalanya sebelum menghayunkannya ke kiri dan kanan (Sayang Sabah, 2017). Walaupun sudah menjadi kebiasaan dalam menjaga buaya tersebut, namun buaya itu tidak melepaskan peluang untuk membaham penjinak tersebut. Begitu juga jika dikaitkan dengan kiasan ini, seseorang itu yang cuba berkawan atau lebih tepat meraih simpati dengan tangisan palsu untuk mencapai motif utamanya. Disamping itu, jika dikaitkan dengan masyarakat Melayu yang juga menganggap buaya sebagai binatang yang mempunyai ciri yang negatif seperti dalam kiasan buaya darat yang bermaksud orang lelaki yang suka mempermainkan perempuan. Dalam kiasan ini mempermainkan juga merupakan satu helah yang berpura-pura bagi mendapatkan sesuatu yang menguntungkan mereka. Bukan itu sahaja, malah dalam masyarakat Melayu juga kiasan seperti air mata buaya sering diungkapkan dalam sastera Melayu yang juga membawa kepada maksud yang sama iaitu berpura-pura menangis untuk meraih simpati orang lain. Oleh itu sastera Melayu dalam bahasa kiasan ini juga diungkapkan untuk menyindir dengan hasrat menyampaikan mesej tanpa menyinggung perasaan orang lain, seperti masyarakat Melayu begitu juga masyarakat Punjabi. Di samping itu, hanya orang tua sahaja yang sering menggunakan kiasan tersebut kerana kiasan ini dicipta oleh masyarakat Punjabi yang dulu yang mempunyai kaitan dengan budaya serta akal budi Punjabi, bagi menyindir mereka yang penuh dengan sifat kepuraan bagi mendapatkan simpati yang lain.

Jadual 4.1.15

Data 15							
Kiasan punjabi	maj	murai	been	bajaundha	koi	faidha	nayi
Terjemahan langsung	kerbau	depan	seruling	bermain	ada	faedah	tidak
Terjemahan gramatis : seseorang bermain seruling untuk kerbau dan tiada faedah							
Makna : Seseorang yang memaksa individu lain untuk melakukan sesuatu yang bukan bidangnya							

Semantik Skrip

Makna harfiah kiasan ini ialah memaksa individu lain melakukan sesuatu yang bukan bidangnya serta tidak mendatangkan faedah. Jika kita ingin melakukan sesuatu tugas atau perkara, kita harus bijak dalam memilih individu yang sesuai dan pakar dengan bidangnya tersendiri. Sebagai contoh, menyuruh pakar zoologi untuk melakukan pembedahan jantung manusia adalah tidak logik. Begitu juga jika seruling dimainkan di hadapan kerbau, tiada apa akan berlaku dan kerbau itu tidak akan beranjak.

Semantik Resonans

Berbalik kepada kiasan di atas, secara logiknya cara memperlakukan seekor kerbau dan seekor ular adalah jauh berbeza namun, kiasan tersebut menggaitkan seruling bersama dengan kerbau. Oleh hal yang demikian, menurut informan (Gurbir Singh, komunikasi lisan, Oktober 26, 2017), masyarakat Sikh mempunyai pemikiran seperti jika seruling dimainkan di hadapan seekor kerbau, kerbau tersebut tidak akan melakukan apa-apa gerakan sebaliknya menunduk individu tersebut. Dengan itu, individu itu akan mengalami kecederaan yang merujuk kepada tiada faedah kerana hanya mendapat sakit. Sejurus dengan perkara tersebut, orang Punjabi

menggunakan kiasan tersebut terhadap seseorang yang memaksa individu lain melakukan sesuatu yang bukan bidangnya.

Semantik inkuisitif

Mengapa kerbau yang digunakan dalam kiasan ini? Hal ini demikian kerana kerbau merupakan haiwan ternakan pada zaman dahulu untuk aktiviti pertanian. Masyarakat Sikh di India menggunakan najis kerbau untuk membuat bahan api seperti yang dinyatakan dalam data 2 bagi tahi lembu. Proses penggunaannya juga sama kerana di kawasan perkampungan, haiwan-haiwan ternakan seperti ini mudah dikendali dalam aktiviti pertanian serta dalam masa yang sama, kerbau mampu menghasilkan susu yang sangat bermanfaat kepada orang Sikh. Namun, untuk mengendalikan kerbau, penternak harus menggunakan sebatang rotan yang nipis lalu memukul bahagian belakang kerbau dan mengarahnya berjalan atau melaksanakan kerja pertanian (Mohinder Singh, 1999). Namun, penggunaan seruling (*been*) dikaitkan dengan kerbau. Seruling merupakan satu alat muzik tradisional dalam masyarakat Sikh. Seruling terdapat dalam pelbagai saiz dan bentuk, seperti pendek, lurus, panjang dan juga yang mempunyai bulat dihadapannya. Seruling sering digunakan dalam upacara perkahwinan atau di India, pertunjukkan ular sangat terkenal dengan meniup seruling. Jika dikaitkan dengan binatang, seruling digunakan untuk ular. Apabila seruling dimainkan, ular akan mengikut rentak bunyi tersebut dan meliuk-liukkan badannya. Namun, ular tidak boleh mendengar sebarang bunyi tetapi bagaimana boleh menari dengan rentak alunan seruling? Ular hanya mengikut hujung seruling yang berbentuk bulat di hadapan. Apabila seruling dimainkan sambil bergerak ke kiri dan kanan, ular tersebut akan mengikut gerakan seruling tersebut (Tarian ular Cobra, 2014). Oleh itu, akal budi masyarakat Sikh terserlah dalam kiasan ini bahawa binatang mempunyai cara diperlakukan yang berbeza, manusia juga mempunyai bakatnya yang tersendiri dalam bidang yang tertentu. Oleh itu, apabila seruling dimainkan di

hadapan seekor kerbau iaitu memaksa individu melakukan sesuatu, kerbau akan menunduk individu yang bermain seruling yang menjurus kepada tidak mendapat sebarang faedah.

Jadual 4.1.16

Data 16				
Kiasan punjabi	desi	kutta	qureshy	boli
Terjemahan langsung	kampung	anjing	Quresh	percakapan
Terjemahan gramatis : anjing kampung yang mempunyai loghat bahasa asing.				
Makna : seseorang yang berlagak pandai.				

Semantik Skrip

Desi kutta kureshani boli membawa maksud seseorang yang berlagak pandai, sebaliknya kurang pengetahuan tentang sesuatu perkara tersebut. *Desi kutta* iaitu anjing kampung digunakan dalam kiasan ini yang merujuk kepada anjing jalanan. *Desi* sendiri merujuk kepada orang Punjabi di kawasan kampung.

Semantik Resonans

Mengapa anjing jalanan yang diperlihatkan sebagai seorang yang berlagak pandai? Hal ini demikian kerana seekor anjing mempunyai ciri yang sangat agresif dan berani berhadapan dengan apa sahaja situasi. Walaupun anjing itu tidak mempunyai idea tentang apa yang sedang berlaku di sekelilingnya, ia tetap akan berada di situasi tersebut dan seolah-olah ia faham apa yang sedang berlaku (Alexandra Horowitz, 2009).

Semantik Inkuisitif

Dalam memperlihatkan akal budi orang Punjabi, menurut informan (Amarjit Kaur, komunikasi lisan, Oktober 16, 2017), kiasan ini sangat berkait rapat dengan sejarah *The*

history of Bhagat Singh. Sejarah ini mengisahkan tentang cara Bhagat Singh cuba mempertahankan hak di negara India daripada jajahan British. Pada masa dahulu, Pakistan dan India masih belum dipisahkan dan Bhagat Singh berasal daripada Lyallpur, Punjab India yang kini adalah di Pakistan selepas perpisahan sempadan. Namun, ada sesetengah rakyat di India bekerjasama dengan pihak British dan menimbulkan ketidakpuashatian sesetengah masyarakat, sehingga berlaku kejadian yang menjadi sejarah hitam masyarakat di India iaitu serangan di Jallianwala Bagh. General Dyer melancarkan serangan dengan menembak semua orang Sikh yang tidak bersalah dan isu tersebut menjadi panas sehingga Bhagat Singh mengambil keputusan untuk menghalau British. Golongan atasan yang bekerjasama dengan pihak British menganggap dirinya sama peringkat dengan British, sedangkan mereka tidak tahu apa yang sedang dimanipulasikan oleh pihak British. Golongan atasan iaitu penduduk masyarakat India, bersubahat dengan British demi kepentingan sendiri dianggap sebagai *desi kutta* dan *qureshy boli* dikaitkan dengan ungkapan kerjasama mereka dengan pakatan British, sedangkan orang desi (Punjabi) harus menuturkan bahasa Punjabi (Punjabi boli). Masyarakat India harus bekerjasama menghalau pihak British, namun demi kepentingan mereka berbuat sebaliknya. Oleh itu, muncul kiasan seperti *desi kutta kureshani boli* bagi individu yang hanya berlagak pandai, sebaliknya kurang pengetahuan tentang perkara yang sebenar.

Jadual 4.1.17

Data 17

Kiasan punjabi	khaan	peen	nu	bandri	sota	khaan	nu	ricch
Terjemahan langsung	makan	minum	itu	monyet	kayu	makan	itu	beruang

Terjemahan gramatis : makan minum **monyet** kena pukul **beruang**

Makna : Seseorang yang melakukan kejahatan akhirnya orang lain yang mendapat padah.

Semantik Skrip

Makna yang ingin disampaikan dalam kiasan di atas ialah seseorang yang melakukan sesuatu perkara yang buruk dan kemudian individu lain yang dipersalahkan. Perkara ini sering berlaku apabila seseorang ingin menutup kesalahan sendiri dan menuduh orang lain terhadap gejala tersebut.

Semantik Resonans

Dalam kiasan ini monyet (*bandri*) di dianggap bertuah seperti perumpamaan mengambil makanan dan minuman secukupnya, sebaliknya beruang (*ricch*) dianggap malang iaitu dipukul dengan kayu sedangkan tidak menyentuh makanan dan minuman tersebut. Mengapa monyet yang dianggap bertuah? Hal ini demikian kerana monyet merupakan binatang yang sangat licik dalam mendapatkan apa yang diinginkan. Monyet juga mempunyai sifat yang nakal dan mampu berfikir seperti manusia. Dalam kiasan ini juga memperlihatkan seekor monyet hanya membuat sesuatu untuk mendapatkan faedah tanpa memikirkan akibatnya. Faedah yang dimaksudkan dalam kiasan ialah makanan dan minuman, iaitu benda yang memberi tenaga tetapi tidak difikirkan sama ada makanan dan minuman itu milik orang lain

atau selamat dimakan. Berbalik pada kiasan di atas, dengan sifat monyet yang licik mengambil segala makanan dan minuman, beruang pula yang dipersalahkan kerana seekor beruang mempunyai sifat yang tenang dan tidak berundur jika mengalami ancaman. Beruang pula yang berhadapan dengan akibat yang ditimpa. Jika memperlihatkan dari perspektif orang Punjabi, menurut informan (Amarjit Kaur, komunikasi lisan, Oktober 16, 2017), di India, monyet dan beruang sering digunakan dalam pertunjukan dalam sarkas. Sarkas merupakan satu pertunjukkan yang terkenal di India, dengan terserlahnya kehebatan pelbagai jenis binatang. Satu pertunjukkan yang sering ditayangkan ialah pertunjukkan monyet yang mampu mengayun dari satu cincin besar ke cincin yang lain dengan aksi yang berbeza dan unik. Selain itu, monyet juga pandai bermain basikal bertayar dua. Namun, tambah beliau lagi, beruang tidak mempunyai kehebatan seperti monyet. Beruang hanya akan menurut perintah dan membuat pertunjukkan yang biasa seperti berdiri di atas kaki belakang dan berjalan. Komunikasi antara kedua-dua haiwan ini jauh berbeza. Bagi monyet, ia tidak memerlukan seseorang untuk memberitahu apa yang perlu dibuat, malah hanya meletakkan barang-barang tersebut di hadapannya dan monyet sendiri akan tahu apa yang perlu dilakukan. Malangnya, beruang dipukul dengan rotan apabila tidak melakukan pertunjukkan itu. Dengan pukulan di bahagian belakang, baru si beruang akan faham apa yang perlu dilakukan. Oleh itu, melalui pandangan informan mengenai situasi itu, masyarakat Punjabi memberi tanggapan bahawa monyet bijak dan licik manakala beruang sentiasa menjadi mangsa keadaan. Mangsa keadaan itulah yang merujuk kepada individu yang tidak bersalah menerima padah.

Semantik Inkuisitif

Teori evolusi oleh Darwin (1859), yang menyatakan manusia sebenarnya berasal daripada monyet. Perlakuan seekor monyet disamakan dengan manusia kerana pergerakan serta perlakuan seekor monyet persis dengan manusia. Perlakuan yang dimaksudkan oleh Darwin

ialah cara pemikiran, tindak balas dan secara liciknya membuat sesuatu perkara oleh seorang manusia mampu dilakukan juga oleh seekor monyet. Kepintaran dan kebijaksanaan tentang seekor monyet terbukti dalam teori Darwin yang menghuraikan ciri seekor monyet. Selain itu, dalam sudut pandangan Islam juga monyet dianggap sebagai binatang yang negatif. Seperti yang dinyatakan dalam Al-Quran, kera atau monyet adalah binatang yang serakah, keserakahan membuat orang-orang Yahudi melanggar ketentuan Allah. *“Dan sesungguhnya telah kamu ketahui orang-orang yang melanggar diantaramu pada hari Sabtu lalu Kami berfirman kepada mereka: “Jadilah kamu **kera** yang hina.”* (QS. Al-Baqarah: 65). Orang-orang Yahudi bersikap sombong serta melakukan apa yang dilarang mereka mengerjakannya, dan mereka disamakan dengan seekor kera atau monyet. Mengapa beruang pula yang dipersalahkan? Beruang merupakan binatang yang bersifat soliter serta pemalu. Sesetengah beruang jarang muncul di hadapan manusia kerana malu tetapi dalam masa yang sama beruang mempunyai sifat yang ‘pantang mundur’ apabila dalam keadaan terancam atau ditangkap. Oleh sebab sifatnya yang agresif jika terlibat dalam konflik masyarakat menganggap beruang adalah binatang yang buas, sedangkan di alamnya beruang sentiasa menghindarkan diri dari terlibat dalam sebarang konflik (Linda Masterson, 2006). Oleh itu, akal budi masyarakat Punjabi terserlah dalam kiasan ini yang memperlihatkan sifat monyet dan beruang serta menyamainya dengan individu yang melakukan kejahatan, malah individu lain yang menerima padah.

Jadual 4.1.18

Data 18

Kiasan punjabi	chhapad	da	gwaah	dadoo
Terjemahan langsung	tasik	punya	saksi	katak

Terjemahan gramatis : saksi utama ialah **katak**

Makna : Seorang saksi yang tiada fakta kukuh kerana hanya menurut perintah

Semantik Skrip

Makna harfiah bagi kiasan di atas ialah seorang saksi yang hanya menurut perintah serta ketiadaan fakta yang kukuh. Fakta yang dimaksudkan di sini ialah apa sahaja isu atau perkara yang dihebohkan kepada khalayak. Manusia sering mengwar-warkan berita palsu tanpa bukti yang kukuh, justeru khabar angin yang tersebar hanya diluaskan lagi tanpa mengetahui pucuk pangkalnya.

Semantik Resonans

Dalam kiasan ini flora yang diperlihatkan ialah tasik (*chhapad*) yang menunjukkan habitat bagi pelbagai hidupan akuatik. Pada zaman dahulu, tasik atau sungai menjadi bekalan air utama penduduk kampung untuk melakukan aktiviti harian seperti membasuh baju, mandi, mendapatkan air minuman dan juga mendapatkan hasil makanan seperti ikan. Namun, yang ditekankan dalam kiasan ini ialah, habitat yang tinggal dalam sebuah tasik atau sungai arif dengan selok-belok tasik tersebut. Menurut informan (Gurbir Singh, komunikasi lisan, Oktober 26, 2017), beliau menyatakan masyarakat Punjabi di India sering bertindak melulu tanpa alasan yang kukuh. Di pedalaman kampung, mereka mudah percaya apa sahaja yang dilihat atau didengar daripada pihak lain, malah bukan semua perkara adalah benar dari penglihatan mata kasar.

Semantik inkuisitif

Mengapa katak (*dadoo*) yang digunakan? Hal ini demikian kerana katak merupakan seekor binatang yang hidup di darat dan juga air. Katak merupakan seekor binatang amfibia dan dengan memiliki kaki belakang yang kuat, katak mampu melompat jauh (Mike Dorcas & Whit Gibbons, 2011). Mengapa pula katak dikaitkan dengan saksi (*gwaah*)? Menurut kamus dewan edisi keempat, (2016) saksi ialah orang yang mengetahui atau melihat sesuatu perkara dan memberi keterangan terhadap peristiwa tersebut. Berbalik kepada kiasan di atas, katak yang merupakan habitat di tasik yang mampu hidup di darat dan di dalam air, beranggapan bahawa ia mengetahui setiap perkara yang berlaku di sekelilingnya dan boleh menjadi saksi kepada apa sahaja yang berlaku. Oleh itu, dengan perlakuan seekor katak yang menganggap dirinya mengetahui semua perkara di sekitarnya, masyarakat Sikh menyamai individu tersebut dengan katak iaitu seseorang yang menjadi saksi kepada sesuatu perkara tanpa fakta yang kukuh.

Jadual 4.1.19

Data 19								
Kiasan punjabi	khothe	ton	digg	payi	vehre	naal	russ	payi
Terjemahan langsung	keldai	dari	jatuh	sudah	halaman rumah	dengan	merajuk	sudah
Terjemahan gramatis : jatuh dari keldai merajuk dengan halaman rumah								
Makna : Menyalahkan orang lain atas kesalahan sendiri								

Semantik Skrip

Makna yang ingin disampaikan dalam kiasan ini ialah kesalahan yang dilakukan oleh diri sendiri kemudian menyalahi orang lain. Sebagai individu yang bertanggungjawab, apabila

kita melakukan kesalahan, kita harus menerimanya dengan hati yang terbuka bukan menyalahi individu lain.

Semantik Resonans

Secara logiknya, apabila berlaku kesalahan, di sebalik merajuk dengan individu lain, kita harus memulihkan keadaan. Keldai (*khota*) digunakan dalam kiasan ini kerana pada zaman dahulu, keldai digunakan sebagai pengangkutan serta keldai hanya mengikut perintah manusia, jika disuruh berjalan ia akan bergerak dan sebaliknya. Namun, keldai juga mempunyai sifat degilnya, iaitu adakala keldai tidak berbuat seperti yang disuruh dan oleh sebab itu, manusia sering menggelar keldai sebagai seekor binatang yang kurang bijak. Dalam masyarakat Punjabi, menurut Mohindar Singh (1999), keldai dianggap seekor binatang yang degil dan kurang bijak seperti yang dinyatakan dalam cerita rakyat mengenai seekor keldai yang memasuki kampung dan penduduk kampung beranggapan ia adalah seekor harimau. Dengan mengeluarkan bunyi keldainya, malangnya keldai itu dipukul dan dihalau keluar dari kampung. Dengan terserlahnya sifat keldai yang kurang bijak dengan kiasan yang menjatuhkan seseorang individu, sepatutnya keldai itu yang dipersalahkan bukan pemilik keldai itu.

Semantik Inkuisitif

Menurut Punch Shaw (2018), seseorang tidak boleh memaksa keldai untuk membuat sesuatu, malah kita perlu meyakinkan keldai serta mewujudkan kepercayaan bahawa tiada rintangan untuk membuat sesuatu perkara. Ditambah beliau lagi, keldai bukan menyusahkan tetapi mereka hanya bijak dalam mengetahui bahawa perkara tersebut baik ataupun tidak untuk dilakukan. Berbalik kepada kiasan di atas, apabila seseorang terjatuh daripada keldai, dia sepatutnya menyalahkan keldai tetapi individu itu merajuk dengan halaman rumah (*vehre*).

Halaman rumah dalam konteks kiasan ini merujuk kepada tuan yang memiliki keldai tersebut iaitu pemilik. Oleh itu, akal budi masyarakat Sikh memberu perumpamaan seperti menyalahkan orang lain atas kesalahan sendiri.

Jadual 4.1.20

Data 20									
Kiasan punjabi	sherni	da	dudh	sone	de	phaande	ch	hi	samaunda
Terjemahan langsung	Singa betina	punya	susu	emas	punya	balang	itu	hanya	simpan
Terjemahan gramatis : susu singa betina hanya boleh disimpan dalam balang emas Makna : Menganggap dirinya sangat hebat dan tiada yang boleh menandinginya									

Semantik Skrip

Makna yang ingin disampaikan dalam kiasan di atas ialah seseorang yang menganggap dirinya tidak boleh ditandingi serta hebat daripada yang lain.

Semantik Resonans

Secara kognitifnya, manusia sering alpa dengan kewujudan masing-masing jika melingkari kemegahan dan keangkuhan. Kemegahan dan keangkuhan jelas merujuk kepada balang emas yang diperlihatkan dalam kiasan di atas. Emas merupakan warna kemegahan dan melambangkan kekayaan seseorang atau sesuatu. Dengan kekayaan yang diperoleh seseorang, individu sering lalai dan menunjukkan kehebatan mereka tanpa mengetahui akibatnya. Menurut informan (Gurbir Singh, komunikasi lisan, Oktober 26, 2017), susu (*dudh*) merupakan simbol yang sangat suci. Masyarakat Punjabi mempunyai kepercayaan bahawa manusia sembahyang dengan hati yang ikhlas, dan keikhlasan tersebut adalah umpama balang emas yang dimaksudkan dalam kiasan tersebut, manakala ayat-ayat suci yang dilafazkan

adalah umpama susu, putih dan bersih. Jika seseorang sembahyang tanpa niat dan hati yang ikhlas, umpamanya susu tersebut akan menjadi basi iaitu tiada pahala yang dimiliki.

Semantik Inkuisitif

Mengapa singa betina (*sherni*) yang dikaitkan dalam kiasan ini? Hal ini demikian kerana singa merupakan seekor binatang yang liar dan berani. Singa pandai memburu mangsanya dan bijak melindungi dirinya daripada musuh. Ciri fizikal seekor singa juga sangat kuat dan lariannya pantas. Rambut yang dikelilingi muka seekor singa suda menggambarkan kebanggaan dan keganasan seekor singa. Singa juga merupakan seekor binatang yang menjaga habitatnya dan tinggal dalam kelompok sendiri dengan bangga yang menyebabkan sukar untuk mereka diserang (Victor Gentle & Janet Perry, 2002). Dalam masyarakat Sikh sendiri berkait rapat dengan singa iaitu nama lelaki yang mempunyai Singh melambangkan singa, simbol kepada keberanian. Keberanian dapat dibuktikan melalui kedatangan orang Punjabi ke Malaysia sebagai tentera, pengawal dan polis. Pada zaman dahulu, orang Punjabi banyak terlibat dalam pekerjaan keselamatan (Sarjit Singh, 1998). Oleh itu, kiasan ini menyamai individu yang hebat dan tidak boleh ditandingi oleh mana-mana pihak.

Jadual 4.1.21

Data 21					
Kiasan punjabi	ghora	niayu	ta	paani	piayu
Terjemahan langsung	kuda	tunduk	dan	air	bagi minum
Terjemahan gramatis : menundukkan kuda dan berinya minum					
Makna : jika inginkan pertolongan seseorang perlu bersifat rendah diri.					

Semantik Skrip

Makna harfiah bagi kiasan tersebut ialah jika kita memerlukan sebarang pertolongan, sifat rendah diri harus diterapkan. Janganlah kita bersikap sombong dan tidak menghargai atas pertolongan yang dihulurkan oleh seseorang.

Semantik Resonans

Secara logiknya, penggunaan haiwan kuda (*ghora*) diperlihatkan dalam kiasan tersebut kerana kuda merupakan seekor binatang yang kuat dan gagah. Kuda mempunyai leher dan kaki yang agak tinggi yang menyebabkan seseorang sukar untuk menunggang kuda jika tidak pandai mengendalikannya. Kuda harus dikendalikan dengan baik kerana seseorang harus mempunyai kemahiran dalam memandikan serta memberi makan kepada seekor kuda. Teknik yang digunakan untuk mengajar seekor kuda untuk mengikut perintah hanya boleh dilakukan oleh pakar yang menjaga kuda (Peter Mitchell, 2015).

Semantik Inkuisitif

Tunduk (*niayu*) adalah pergerakan yang menundukkan kepala ke bawah sebagai simbol hormat atau menunduk untuk mengelak kepala terkena daripada ketinggian yang terhad. Menurut informan Menurut informan (Amarjit Kaur, komunikasi lisan, Oktober 16, 2017), Dalam masyarakat Sikh, ketika bersembahyang mereka sujud kepada Guru Granth Sahib Ji

dua kali sebagai tanda hormat serta ketaatan kepada agama. Kepercayaan itu dibawa bersama setiap masa dalam diri individu agar sentiasa bersifat rendah diri dan menghargai setiap pemberian. Oleh itu, sifat menunduk merujuk kepada sikap rendah diri seseorang individu serta memberi minum merujuk kepada pertolongan yang diterima. Falsafah dalam masyarakat orang sikh diperlihatkan dalam cerita Guru Gobind Singh yang merupakan satu-satunya guru yang mempunyai kuda baka 'Blue Roan'. Guru Gobind Singh telah belajar seni tunggangan kuda dan dengan segala ilmu yang dipelajari beliau mengarah warga Sikh untuk menyediakan senjata dan kuda demi masa hadapan sebagai langkah keselamatan. Oleh itu, kemahiran dalam mengendalikan kuda yang dimiliki oleh Guru Gobind Singh terserlah dalam kiasan ini. Begitu juga dengan sifat Guru Gobind Singh sebagai seorang guru yang sentiasa membantu dan menghormati serta menghargai apa sahaja yang membawa kepada kebaikan.

Jadual 4.1.22

Data 22						
Kiasan punjabi	apni	galee	vich	kutta	vi	sher
Terjemahan langsung	sendiri	kawasan	dalam	anjing	pun	singa
Terjemahan gramatis : dalam kawasan sendiri anjing pun jadi singa Makna : Hanya menunjukkan keberanian jika berada di kawasan sendiri.						

Semantik Skrip

Makna harfiah yang ingin disampaikan dalam kiasan di atas ialah seseorang individu yang menunjukkan keberanian jika berada di lingkungan kawasan sendiri.

Semantik Resonans

Zaman yang semakin berkembang ke arah pemodenan, manusia penuh dengan sifat kepuraan serta keberanian hanya ditunjukkan dalam kawasan atau perkara yang dekat dengan mereka atau yang melibatkan faedah mereka. Jika sesuatu perkara yang berlaku di luar jangkaan mereka, hanya mampu mengundur diri. Kawasan yang dimaksudkan dalam kiasan ini ialah rumah halaman sendiri yang dimiliki dan anjing (*kutta*) sangat berkait rapat dengan kawasan yang dimaksudkan. Hal ini demikian kerana anjing merupakan binatang yang dianggap sebagai penjaga keselamatan. Anjing merupakan seekor binatang yang setia dan kesetiaan dapat dilihat melalui keselamatan yang diberi kepada tuannya. Anjing boleh dikategorikan sebagai binatang yang berani dan mempunyai penglihatan serta pendengaran yang tajam (Alexandra Horowitz, 2009). Namun, anjing tetap seekor anjing yang boleh dijinakkan jika dibandingkan dengan singa. Singa merupakan seekor binatang omnivor dan mampu menyerang sesiapa sahaja yang menghalangnya. Singa juga merupakan binatang yang bahaya dan boleh membunuh jika mengganggunya atau berasa terancam.

Semantik Inkuisitif

Mengapa masyarakat Sikh menggunakan anjing dan singa untuk memperlihatkan keberanian? Hal ini demikian kerana menurut informan (Amarjit Kaur, Komunikasi lisan, Oktober 16, 2017), masyarakat Punjabi memelihara anjing sebagai keselamatan dan juga untuk tujuan buruan pada zaman dahulu. Singa pula berkait rapat dengan kepercayaan agama Sikh, iaitu nama lelaki Singh yang diberi gelaran singa sebagai simbol keberanian seperti yang dijelaskan dalam data 20. Berbalik pada kiasan *apni galee vich kutta vi sher* memberi pandangan bahawa jika kawasan sendiri terasa diancam, anjing boleh bertukar menjadi lebih hebat seperti singa untuk mempertahankan kawasan sendiri.

Jadual 4.1.23

Data 23									
Kiasan punjabi	hun	pashtain	ki	howega	jab	chidia	chug	gai	khet
Terjemahan langsung	sekarang	menyesal	apa	jadi	bila	burung	makan	sudah	gandum
Terjemahan gramatis : tidak guna menyesal sekarang apabila burung makan semua gandum itu. Makna : Selepas perkara yang tidak diingini terjadi, menyesal tidak berguna									

Semantik Skrip

Makna yang ingin dijelaskan dalam kiasan di atas ialah menyesal terhadap perkara yang tidak diingini terjadi.

Semantik Resonans

Logiknya, penyesalan tidak terpisah dengan manusia kerana sikap manusia yang sering lalai ketika melaksanakan sesuatu perkara. Pada awalnya tidak melakukannya dengan bersungguh-sungguh dan apabila perkara itu tidak sampai ke jangkaan yang sepatutnya, rasa kesal pula yang muncul. Ladang (*khet*) iaitu ladang tanaman yang menjadi sumber rezeki orang Sikh pada zaman dahulu, dengan tanaman pelbagai jenis sayuran, gandum dan padi.

Semantik Inkuisitif

Mengapa burung (*chidia*) yang dikaitkan dengan kiasan ini? Hal ini demikian kerana burung merupakan binatang yang sering merosakkan tanaman di ladang. Burung merosakkan tanaman dengan memakan gandum yang terdapat dan apabila telah dimakan tanaman tersebut akan rosak dan tidak dapat digunakan lagi. Namun, zaman dahulu bagi menghalau burung-burung yang sering merosakkan tanaman di ladang, para petani membina orang-orang untuk menakutkan burung. Menurut informan (Amarjit Kaur, Komunikasi lisan, Oktober 16, 2017),

masyarakat Sikh mempunyai amalan memberi biji jagung kepada burung untuk makan dan amalan itu dianggap sebagai kerja amal. Guru Gobind Singh juga mempunyai seekor burung, iaitu burung helang sebagai binatang peliharaan-Nya selain kuda. Dalam sejarah *Chaar Sahib Zadee* iaitu burung helang Guru Gobind Singh telah membantu memberi petua bahawa orang Mughal dan pakatannya akan menyerang kawasan Guru Gobind Singh. Dengan bunyi yang dikeluarkan oleh burung helang itu, Guru Gobind Singh mampu mengetahui pesanan yang ingin disampaikan. Berbalik pada kiasan di atas, burung mampu membantu dalam sesetengah perkara tetapi jika tidak bijak mengawal burung itu juga yang boleh memusnahkan sumber rezeki seseorang. Bagi mengelakkan tanaman di ladang rosak, biji jagung boleh ditaburkan di satu kawasan agar burung tidak makan gandum di ladang. Oleh itu, masyarakat Sikh mengamalkan sikap menyediakan payung sebelum hujan agar tidak menyesal di kemudian hari.

Jadual 4.1.24

Data 24					
Kiasan punjabi	khoote	da	khoota	hi	riya
Terjemahan langsung	keldai	punya	keldai	tetap	jadi
Terjemahan gramatis : keldai tetap akan jadi keldai Makna : Jika seseorang itu kurang bijak, dia akan kekal menjadi kurang bijak kerana tiada usaha untuk mencuba.					

Semantik Skrip

Makna yang dijelaskan dalam kiasan di atas ialah jika seseorang itu kurang bijak, dan tiada usaha untuk mencuba, individu itu akan kekal menjadi kurang bijak.

Semantik Resonans

Keinginan melakukan sesuatu perkara haruslah secara bersungguh-sungguh, janganlah sekadar melepaskan batuk di tangga. Usaha merupakan sikap penting yang harus diterapkan dalam diri setiap individu kerana dengan usaha kita mampu berjaya dalam hidup dan mencapai cita-cita yang diimpikan.

Semantik Inkuisitif

Mengapa keldai yang dianggap sebagai kurang bijak? Hal ini demikian kerana keldai merupakan binatang yang sangat degil dan suka mengikut kehendak sendiri. Sikap itu yang dianggap kurang bijak oleh masyarakat dengan menganggap keldai tidak memahami apa yang perlu dilakukan, sebaliknya keldai mempunyai naluri tersendiri bahawa ia ingin atau tidak untuk melakukan perkara itu (Punch Shaw, 2018). Istilah usaha untuk mencuba merujuk kepada *khoota hi riya* iaitu tetap menjadi keldai. Oleh sebab keldai hanya melakukan kerja jika ia hendak melakukannya, masyarakat Punjabi menganggap keldai tidak ingin mencuba atau dianggap sebagai kurang bijak. Menurut informan (Amarjit Kaur, Komunikasi lisan, Oktober 16, 2017), keldai merupakan seekor binatang yang menjadi sumber pengangkutan kepada masyarakat pedalaman pada suatu masa dahulu. Walaupun, diberi makan minum, dijaga dengan baik oleh tuannya, namun sehingga hari ini keldai tidak menunjukkan perkembangannya. Jika melihat spesies yang sama seperti keldai iaitu kuda mempunyai perkembangan dari sumber pengangkutan kepada peperangan kerana kekuatannya dan sekarang kuda menyerlahkan kelajuannya di ajang balapan. Malangnya keldai masih tidak bergerak dari ciri asalnya. Oleh itu masyarakat Punjabi menyamai seekor keldai dengan individu yang tiada usaha untuk mencuba dan kekal dengan pemikiran yang kurang bijak.

Jadual 4.1.25

Data 25									
Kiasan punjabi	dhobi	ka	kutta	na	ghar	ka	na	ghat	ka
Terjemahan langsung	dobi	punya	anjing	tidak	rumah	punya	tidak	sungai	punya
Tterjemahan gramatis : anjing dobi itu bukan dari rumah mahupun dari tepi sungai Makna : Seseorang yang tidak menyebelahi mana-mana pihak untuk mengelakkan diri sendiri menjadi mangsa (lalang).									

Semantik Skrip

Makna harfiah kiasan *dhobi ka kutta na ghar ka na ghat ka* ialah seseorang yang bersikap lalang, tidak menyebelahi mana-mana pihak agar dirinya tidak menjadi mangsa. Sifat lalang itu terserlah dalam kiasan itu sebagai tidak di rumah (*na ghar ka*) mahupun di sungai (*na ghat ka*).

Semantik Resonans

Mengapa anjing (kutta) yang diperlihatkan dalam kiasan tersebut? Hal ini demikian kerana anjing merupakan seekor binatang yang manja dengan pemiliknya. Anjing dapat dikategorikan kepada beberapa jenis dan baka. Anjing-anjing yang dipelihara untuk keselamatan adalah anjing yang jenis ganas dan besar bentuk badannya, manakala bagi anjing-anjing seperti poodles adalah anjing yang jenis manja dan hanya mengikut kemahuannya (Catherine Johns, 2008). Dalam pemikiran yang menghubungkan kiasan di atas ialah sebuah cerita rakyat berkenaan dengan seorang pekerja dobi.

Semantik Inkuisitif

Menurut informan (Gurbir Singh, Komunikasi lisan, Oktober 26, 2017), Si dobi ini memiliki sebuah rumah yang kecil di pedalaman perkampungan dan tinggal bersama isterinya serta

seekor anjing yang sangat manja. Pada suatu hari, isteri si dobi itu memasak capati untuk dibawa ke tempat kerja suaminya. Anjing itu juga duduk di rumah dengan mengharapkan ia akan diberi makan. Sekian lama menunggu untuk makanan, anjing itu pergi ke tempat suaminya bekerja iaitu di tepi sungai. Sambil menunggu untuk si isteri membawa makan, isterinya masih tidak muncul lagi. Oleh sebab, anjing itu tidak mempunyai kesabaran ia balik semula ke rumah untuk melihat apa yang dilakukan oleh si isteri. Jadi, melalui cerita ini jelas memperlihatkan sikap lalang seekor anjing dan sikap itu disamakan dengan manusia yang sentiasa bersikap di atas pagar iaitu tidak menyebelahi mana-mana pihak.

4.2 Kesimpulan

Jika dihalusi, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif bagi menghuraikan semua data berkaitan dengan kiasan yang mempunyai unsur haiwan. Hal ini demikian kerana, penyelidik dapat merungkaikan makna implisit bagi setiap kiasan tersebut yang menggunakan unsur haiwan secara menyeluruh. Kerangka semantik inkuisitif yang dipraktikkan dalam kajian ini membantu pengkaji untuk menghuraikan data dengan lebih teliti. Setiap data dianalisis dengan tahap yang berperingkat iaitu melalui semantik skrip, semantik resonans dan akhir sekali semantik inkuisitif yang memperlihatkan akal budi orang Punjabi. Melalui kaedah seperti ini pengkaji mengkaji data yang dimiliki dengan sepenuhnya. Pemilihan kaedah ini memudahkan pengkaji menghasilkan satu kajian yang tersusun serta memberi hasil yang sempurna mengikut strategi yang diinginkan.

BAB 5

RUMUSAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 Pengenalan

Bab ini akan merumuskan kajian ini dengan memperlihatkan sama ada matlamat kajian dan objektif kajian tercapai atau sebaliknya. Rumusan kepada dapatan kajian juga akan dirungkaikan oleh pengkaji agar pembaca dapat mengetahui bahawa objektif kajian pengkaji tercapai. Beberapa cadangan juga akan dipertengahkan oleh pengkaji agar kajian ini dapat diperkembangkan oleh pengkaji lain pada masa akan datang. Kesimpulan kepada keseluruhan kajian ini akan dihuraikan oleh pengkaji agar dapat memperjelaskan lagi matlamat kajian pengkaji dalam kajian ini.

5.1 Rumusan

Kajian ini telah mencapai matlamat kajian iaitu mengkaji unsur haiwan dalam bahasa kiasan Punjabi melalui kacamata semantik inkuisitif dalam memperlihatkan akal budi orang Punjabi. Kajian ini dilaksanakan dengan berpandukan kepada objektif yang dihasilkan oleh pengkaji iaitu mengenal pasti dan menyenaraikan 25 bahasa kiasan Punjabi yang mengandungi unsur haiwan yang mana tercapai objektif pertama pengkaji. Kemudian, data dianalisis dengan menggunakan pendekatan semantik melalui tahap semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif iaitu tercapai objektif pengkaji yang kedua. Pengkaji juga telah menggunakan pendekatan semantik inkuisitif dalam kiasan unsur haiwan tersebut dalam memperlihatkan falsafah dan akal budi masyarakat Punjabi.

Selain itu, dari segi reka bentuk kajian, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu kajian berbentuk deskriptif dalam merungkaikan bahasa kiasan Punjabi yang mempunyai unsur haiwan sahaja. Dalam mendapatkan data serta menganalisis data pengkaji juga mengaplikasikan kaedah premier iaitu melalui temu bual kerana bahasa kiasan Punjabi masih belum didokumentasikan. Pengkaji menemu bual 3 orang informan yang terdiri daripada orang Sikh. Informan pertama merupakan paderi di Gurdwara iaitu tempat ibadat Sikh, informan kedua berasal daripada Dehli, India dan informan ketiga ialah seorang suri rumah. Kesemua informan pengkaji didapati mempunyai pengetahuan dalam kiasan Punjabi kerana hampir semua data mempunyai persamaan dalam maklumat yang diberikan.

Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa penggunaan unsur haiwan yang digunakan dalam kiasan menjurus kepada sifat negatif seseorang. Banyak kiasan yang wujud dalam unsur haiwan Punjabi memberi gambaran kepada seseorang yang bersifat negatif dalam masyarakat Punjabi. Budaya memainkan peranan yang sangat besar dalam hidup seseorang tanpa mengira kaum. Budaya menjadi pegangan hidup seseorang dan juga melalui kiasan yang bersifat ironi ini membolehkan masyarakat Punjabi meluahkan isi hati tanpa menyakiti seseorang kerana diungkapkan secara tersirat. Pendekatan semantik inkuisitif yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini dapat menyerlahkan falsafah masyarakat Punjabi di sebalik setiap kiasan yang berunsurkan haiwan itu. Hal ini dapat dilihat melalui pemilihan penggunaan haiwan yang dikaitkan bersama dengan sikap negatif seseorang individu tersebut.

5.2 Cadangan kajian masa hadapan

Kajian ini dilakukan sepenuhnya mengenai bahasa kiasan Punjabi yang mempunyai unsur haiwan sahaja. Malah pengkaji hanya melihatnya dari segi semantik inkuisitif sahaja. Melalui kajian ini pengkaji mengharapkan bahawa lebih banyak kajian harus dijalankan oleh generasi yang akan datang. Misalnya, pengkaji baru boleh mengkaji bahasa kiasan Punjabi yang menunjukkan sifat positif atau yang memperlihatkan kepada unsur tumbuhan. Selain itu, bahasa Punjabi juga mempunyai peribahasanya yang tersendiri yang juga belum didokumentasikan. Bahasa Punjabi mempunyai kurang kajian yang berunsurkan bidang Linguistik dan perkara ini harus diambil berat oleh pengkaji akan datang. Malah, dalam peribahasa Melayu juga, banyak lagi kajian peribahasa dan kiasan yang boleh dikaji dengan memperlihatkan kepada unsur haiwan. Hal ini demikian kerana, kebanyakan peribahasa atau kiasan dicipta melalui perkara yang terdapat di sekeliling masyarakat dahulu. Pendekatan semantik inkuisitif juga boleh diaplikasikan dalam pengkaji pantun-pantun atau lagu dalam bahasa Punjabi. Jika dihalusi, semantik inkuisitif boleh digunakan untuk mengkaji pelbagai jenis aspek seperti cerita rakyat dan ghazal yang merupakan satu-satunya seni yang terkenal dalam masyarakat Punjabi. Hal ini demikian kerana, bahasa Punjabi kaya dengan kesusasteraan serta hasil-hasil ciptaan karya yang pelbagai. Cuma kelemahan yang terdapat disini ialah kebanyakan karya tersebut tidak didokumentasikan secara rasmi. Selain itu, dengan pendekatan semantik inkuisitif ini perbezaan serta persamaan sesuatu bahasa juga boleh dikaji dan dalam masa yang sama memperlihatkan falsafah di sebalik setiap masyarakat tersebut. Melalui semua cadangan yang dikemukakan ini, pengkaji mengharapkan bahawa kajian-kajian semantik inkuisitif akan mula berkembang dalam pelbagai jenis aspek serta mendapat sambutan

yang hebat daripada para penyelidik yang akan datang. Kajian semantik inkuisitif dapat membantu seseorang mengetahui pelbagai ilmu berkaitan dengan budaya sesuatu masyarakat serta pemikiran sesuatu bangsa. Oleh itu, pengkaji mengharap bahawa dengan segala cadangan ini, penyelidik akan datang mampu mengembangkan lagi kajian ini serta dapat menjadi rujukan kepada pengkaji lain.

5.3 Kesimpulan

Tuntasnya, kajian kiasan Punjabi yang mempunyai unsur haiwan menjadi satu sumber bukti berkaitan dengan pemikiran dan akal budi masyarakat Punjabi yang beranggapan haiwan dapat menyamai sifat manusia secara negatif. Melalui kiasan ini menunjukkan bahawa masyarakat Punjabi mempunyai pemikirannya yang tersendiri berkaitan dengan setiap jenis haiwan. Setiap haiwan menggambarkan makna implisit di sebalik setiap kiasan tersebut. Pengkaji mengaplikasikan teori semantik inkuisitif yang dapat memperlihatkan falsafah masyarakat Punjabi yang menunjukkan segala kepercayaan, sejarah di sebalik adat atau budaya Punjabi, malah memperlihatkan sara hidup masyarakat Punjabi pada zaman dahulu terserlah melalui analisis kiasan tersebut. Jadi, melalui kajian ini budaya masyarakat Punjabi dapat diserlahkan dan dalam masa yang sama ia mampu memberi pengajaran kepada pembaca yang terdiri daripada pelbagai kaum dan bangsa. Pengajaran yang dapat disampaikan ialah melalui analisis data kiasan tersebut kerana setiap kiasan bersifat ironi, justeru ia menyedarkan masyarakat untuk mengelakkan sikap seperti yang dinyatakan dalam kiasan tersebut. Pengajaran dapat diperoleh daripada setiap budaya dalam kalangan masyarakat kerana tanpa budaya, seseorang itu umpama tiada pegangan hidup serta mampu terjebak dalam perbuatan yang zalim tanpa belas kasihan. Kajian ini juga bukan sekadar menunjukkan akal budi masyarakat Punjabi, malah memberi ilham agar mengamalkan budaya yang

diwarisi sejak dahulu supaya tidak hilang ditelan zaman. Sementara itu, bahasa kiasan Punjabi masih belum didokumentasikan, bukan itu sahaja malah peribahasa juga kurang mendapat sambutan daripada pengkaji. Jadi, kajian ini boleh diperluaskan lagi, serta melalui kajian-kajian ini, bahasa kiasan mahupun peribahasa Punjabi dapat didokumentasikan dan golongan muda dapat mengetahui kewujudan serta keunikan sesuatu bahasa tersebut. Namun, golongan muda dalam masyarakat Punjabi tidak menggunakan kiasan-kiasan seperti ini dalam perbualan harian, malah hanya orang tua sahaja yang mengungkapkannya dan perkara ini boleh menyebabkan generasi akan datang tidak mengetahui tentang kewujudan kiasan Punjabi. Oleh itu, kajian ini diharapkan memberi satu sumbangan terhadap bahasa kiasan Punjabi untuk didokumentasikan agar diketahui oleh masyarakat lain, disamping mengenali akal budi serta falsafah masyarakat Punjabi di sebalik kiasan berunsur haiwan yang bersifat ironi.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2010). *Kamus pepatah, bidalan dan perumpamaan*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Hussein. (1997). *Canai budi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Akmajian, A. (1995). *Linguistics: An introduction to language and communication.*, MA: MIT Press, Cambridge.
- Alexandra horowitz. (2009). *Inside of a dog*. Simon & Schuster UK Ltd. London.
- Al-Ma'ruf, Ali Imron. (2009). *Stilistika*. Solo: CakraBooks.
- Aminuddin Mansor. (2012). *Akal budi melayu dalam pantun dan sajak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anis Kurniawan. (2015). *Pengertian semantik dan contohnya lengkap*. Dimuat turun dari <http://www.gurupendidikan.com/pengertian-semantik-dan-contohnya-lengkap/> pada Mei 21, 2017,
- Asmah Haji Omar. (2005). *Budaya dan bahasa kiasan*. *Jurnal Peradaban Melayu*, Vol. 3. 25 April 2011 dalam penerbit.upsi.edu.my/website_ejurnal/jurnal%20site/.../bab1.html
- Carston, R. (2002). *Metaphor, ad hoc concepts and word meaning- more questions than answers*. Dimuat turun dari <http://www.phon.ucl.ac.uk/home/robyn/pdf/uclwpl142002.pdf> pada November 20, 2017.
- Catherine Johns. (2008). *Dogs*. British Museum Press.
- Claire Throp. (2012). *Living in the wild primates: monkeys*. Capstone Global Library. UK.
- Cohen & Manion. (1996). *Research method in education*, London : Routledge.
- Darwin, Charles. (1859). *The origin of species by means of natural selection or the preversation of favoured race in the struggle for life*. Penguin Books. London.

- D. Malcolm Shaner & Kent A. Vliet. (2007). Crocodile tears: And thei eten hem wepynge. Dimuat naik dari <https://academic.oup.com/bioscience/article/57/7/615/238586> pada November 21, 2017.
- Deni Adriansyah, Ayu Febryani & Sonya Indri Sebayang. (2012). Pengaruh budaya dan agama terhadap penggunaan susu lembu dalam ritual keagamaan suku punjabi penganut agama sikh di kota medan. *Jupiis volume 4 2 Desember*.
- Effendi, Cacang., & N. S. Budiana. (2014). *Kucing: complete guide book for your cat*. Jakarta: Agriflo.
- Fauzi Rahman. (2011). Perbandingan gaya bahasa dan bahasa kiasan lirik lagu peterpan dalam album alexandria dengan lirik lagu ungu dalam album melayang serta aplikasinya dalam pembelajaran bahasa indonesia di SMA. Dimuat turun dari <https://fauzierachman20.files.wordpress.com/2014/01/fauzi-rahman-0701055047-skripsi.pdf> pada November 20, 2017.
- Griffiths, P., (2007). *An introduction to english semantics and pragmatics*. Edinburgh Universiti Press.
- Gumilar Rusliwa Somantri. (2005). Memahami metode kualitatif. *Makara, Sosial Humaniora*, vol. 9, no. 2. 57-65.
- Harvey B. Lillywhite. (2014). *How snakes work*. Oxfard Universiti Press.
- Harahap. D. (1994). *Binaan makna*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Hassan Ahmad (2001). Akal dan budi. *Dewan Budaya. Julai*: 42- 43.
- Hymes, D. (1972). Models of the interaction of language and social life. In J. Gumperz & D. Hymes (Eds.). *Directions in Sociolinguistics: The Ethnography of Communication* (pp. 35-71). New York: Holt, Rinehart, Winston.
- Imran Ho Abdullah. (2011). Analisis kognitif semantik peribahasa melayu bersumberkan anjing (Canis Familiaris). *Online™ Journal of Language Studies 83 Volume 11(1)*, ISSN: 1675-8021, 125-141.

- Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin & Wan Nurasikin Wan Ismail. (2016). Ikan (Pisces) dalam peribahasa melayu: analisis semantik inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 4(1), 2016: 31 – 42.
- Julaina Nopiah Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. (2017). Elemen dualisme dalam peribahasa: pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Melayu*.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2016). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Kearns, K. (2000). *Semantics*. London: Macmillan.
- Keris Mas. (1990). *Perbincangan gaya bahasa sastra*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kerlinger, F.N. (1973). *Foundations of behavioral research*. Fort Worth: Holt, Rinehart and Winston
- K.S Narang. (1969). *History Of The Punjab 1500 – 1858*. UC Kapur & Sons.
- Konting, M. M. (1990). Kaedah penyelidikan pendidikan. Kuala Lumpur : Dewan bahasa dan Pustaka.
- Kumpulan info. (n.d.). Asal-usul istilah air mata buaya. Dimuat turun dari <http://kumpulan.info/tahukah-anda/pengetahuan/225-asal-usul-istilah-air-mata-buaya.html> pada November 20, 2017.
- Lakoff, G. & Johnson, M., (1980). *Metaphors We Live By*. Chicago: University of Chicago Press.
- Lakoff, G. (1987). *Woman fire and dangerous things: What categories reveal about the mind*. Chicago: Chicago University Press.
- Linda Masterson. (2006). *Living with bears*. PixyJack Press, LLC.
- Mike Dorcas & Whit Gibbons. (2011). *Frogs. The animal answer guide*. The John Hopkins Universiti Press. Baltimore.
- Mohd Rasdi Bin Saamah. (2011). Alam dan budaya dalam bahasa kiasan bahasa semai. IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan.

- Mohd Zaki Abdul Latiff & Suriati Zakaria. (2016). Konsep ruang melalui fauna dalam cerita lipur lara: analisis semantik inkuisitif. *Business Management and Computing Research Colloquium (BMCRC)*. Raub, Malaysia.
- Mohindar Singh. (1999). *Punjabi pothi*. SRUR Printers. Kuala Lumpur.
- Mubashir Iqbal, Riaz Ahmed Mangrio dan Raza E Mustafa (2017). Punjabi nuN and Urdu ko : A morpho-semantic Punjabi nuN and Urdu ko : A morpho- semantic analysis. *Pakistan Journal of Languages and Translation Studies*
- Muhammad Fauzi Jumingan. (2003). Penterjemahan bahasa figuratif Arab Melayu: satu analisis teori relevans. Tesis Ph.D, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Kebangsaan.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Othman, Hashim Hj Musa & Abdul Hamid Mahmood. (1992). *Tatabahasa dewan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2009). *Perkembangan Semantik Malaysia : Sorotan Ilmiah*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia : Bangi.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan akal budi melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1992). *Semantik dan pragmatik: satu pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Eliza Abdul Rahman & Zulazhan Ab. Halim. (2016). Penterjemahan bahasa kiasan dalam sari kata drama Arab Flag Of Truth. *Jurnal sultan alauddin sulaiman shah vol 3 bil 2*.
- Peter Mitchell. (2015). *Horse nations*. Oxford Universiti Press. United Kingdom.
- Punch Shaw. (2018). Don't call mules and donkeys dumb. You just might get kicked, and rightly so. Dimuat turun daripada <http://www.star-telegram.com/news/local/community/fort-worth/article195781459.html> pada April 15, 2018.
- Reimer, N., (2010). *Introducing semantics*. Cambridge Universiti Press.

- Rozaimah Rashidin & Noriza Daud. (2009). Unsur perlambangan dalam bahasa Melayu: Satu analisis Teori Relevans. *Jurnal Aswara*.
- S.Nathesan. (2002). Makna dalam bahasa melayu, edisi kedua. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Sperber, D dan Wilson. (1980). On finding the context for Comprehension, dalam Proceeding Eupean Psycholinguistics Assiosiation Meeting.
- Saidatul Normis Hj. Mahali & Mohd. Rasdi Saamah (2013). Haiwan sebagai perlambangan dalam peribahasa orang Semai. *GEMA Online™ Journal of Language Studies 83 Volume 13(1)*, ISSN: 1675-8021.
- Sarjit S. Gill. (2015). Penglibatan orang Sikh dalam tiga pasukan keselamatan kolonial British di Malaya sehingga 1919. *Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan Fakulti Ekologi Manusia*. Universiti Putra Malaysia.
- Sarjit Singh. (1999). Diaspora dan masalah identiti Sikh di Malaysia. *Akndernika 56 (Julai)*. 183 – 192.
- Sarah Veach & Katy Williamson (n.d.). Punjabi: culture & language manual. *Texas State University CDIS 5350 Multicultural Issues in Communication Disorders*.
- Sayang Sabah. (2017). Sejinak-jinak buaya, ‘makan’ tuan juga. Dimuat turun dari <https://www.sayangsabah.com/sejinak-jinak-buaya-makan-tuan-juga/> pada November 20, 2017.
- Strusaker, T.T. (1967). Auditory communication among velvet monkeys. *Social Communication among Primates*. Chicago: Chicago University Press.
- Syed Arabi Idid. (1992). *Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial*. KualaLumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DEB).
- Tarian ular Cobra. (2014). Melihat tarian ular cobra di India. Dimuat turun daripada https://www.kompasiana.com/aremangadas/melihat-tarian-ular-cobra-di-india_54f73337a33311296e8b473b pada April 15, 2018.
- Victor Gentle & Janet Perry. (2002). *Lions*. Gareth Stevens. World Almanac Education Group Company. USA.

Vishal Goyal & Gurpreet Singh Lehal. (2008). Comparative study of Hindi and Punjabi language scripts. *Department of Computer Science*. Punjabi University, Patiala.

LAMPIRAN



Informan 1

Gurbir Singh
41 tahun
Muktsar, India
Paderi di Gurdwara Sahid Kluang



Informan 2

Amarjit Kaur
50 tahun
Dehli, India
Kerani di Pejabat Guaman



Informan 3

Satwan Kaur
68 tahun
Taiping, Perak
Suri rumah